

- 1 - 27

# UMNO 50 TAHUN



© Nusantara Publishing Sdn. Bhd.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Typesetting:  
Norijah Shahram

Penerbit:  
**Nusantara Publishing Sdn. Bhd.**  
30-3, Lorong 6C/91, Taman Shamelin Perkasa,  
Cheras, 56100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-9826791 & 9817053. Fax: 03-9816035

Bagi pihak:  
**Ibu Pejabat UMNO Malaysia**  
Aras 8, Menara Dato' Onn,  
Pusat Dagangan Dunia Putra,  
Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur.


Pemisahan warna:  
**Laserscan(KL) Sdn. Bhd.**  
46, Persiaran Zaaba,  
Taman Tun Dr. Ismail,  
60000, Kuala Lumpur.  
Tel: 03-7179525

Pencetak:  
**Commercial Press Sdn. Bhd.**  
No. 6, Jalan SR 4/8  
Serdang Raya,  
43000 Seri Kembangan, Selangor DE.

APB 861169


10 SEP 1996

NASKHAT PEMERIKSAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



**UMNO 50 TAHUN**

**1946-1996**



● **DATO' Onn Jaafar...** Marilah kita tunjukkan iaitu dengan persatuan di antara kita, maka kita befkehendakkan memelihara satu bangsa yang lebih tegap dan subur.

# *Sepatah Kata*

BUKU ini menyingkap sejarah UMNO selama 50 tahun dari sejak ia dilahirkan pada tahun 1946 dahulu hingga hari ini. Sudah tentu sejarah yang begitu lama dan padat sekali dengan peristiwa-peristiwa penting tidak memadai dikisahkan dalam sebuah buku yang sederhana ini. Tetapi penulis-penulis buku ini telah memetik dan merakamkan peristiwa-peristiwa yang dianggapnya besar erti dalam membentuk dan mewarnakan perkembangan UMNO yang bermula dari zaman menentang Malayan Union dalam zaman Datuk Onn hingga kepada zaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang.

Buku ini memudahkan pembaca mengikuti detik-detik bersejarah dalam perkembangan UMNO, saat-saat suka duka yang dialami oleh UMNO sejak 50 tahun yang lalu.

Sebuah parti politik merupakan sebuah kumpulan di mana rakyat bersatu dan berhimpun kerana hendak bertindak dan berjuang mencapai satu cita-cita yang dirasakan amat tinggi kemurnianya yang hanya boleh terpenuh kalau sekiranya mereka bergerak serentak di bawah satu pimpinan yang direlakan oleh mereka.

UMNO ialah sebuah perkumpulan seumpama itu. Ia ditubuhkan oleh segenap lapisan bangsa Melayu dari berbagai aliran dan fahaman, dari berbagai corak khusus untuk mencapai satu matlamat sahaja iaitu untuk menghancurkan Malayan Union ciptaan British yang merampas hak kedaulatan bangsa Melayu di atas tanahairnya sendiri.

Pada tahun 1946 itu bangsa Melayu dipaksa oleh bahaya yang mengancam nasib masa hadapan mereka untuk bersatupadu dalam satu organisasi dan satu barisan di bawah satu pimpinan dan di bawah satu panji-panji untuk menyelamatkan bangsa, agama dan tanahair mereka.

Hasil kesedaran dan keinsafan itu ialah terdirinya UMNO sebagai wadah perjuangan cita-cita bangsa Melayu untuk mencapai kebebasan dan kemerdekaan mereka. Buku ini berguna sekali tidak sahaja untuk kita berakrab dengan sejarah perjuangan UMNO tetapi lebih penting untuk kita belajar dari pengalaman UMNO selama 50 tahun. Apakah rahsia kejayaan UMNO dapat bertahan begini lama? UMNO bukan sebuah parti yang mengamalkan dasar kuku besi. Ia sebuah parti yang mengamalkan lunas-lunas demokrasi sesuai dengan sistem demokrasi berpartimen di negara ini. UMNO tidak memaksakan dirinya untuk diterima oleh rakyat. Sebaliknya UMNO seperti juga negara memberikan hak memilih dan dipilih untuk tiap seorang anggotanya. Tiap pemimpinnya dari peringkat akar umbi hingga ke pimpinan peringkat tinggi dipilih oleh para anggota dalam satu sistem pilihanraya yang demokratik.

Inilah rahsia kejayaan UMNO selama ini. Ia merupakan wadah cita-cita rakyat segenap lapisan. Tidak ada golongan elit dalam UMNO. Ia terbuka seluas-luasnya kepada nelayan, petani, kaum pekerja dan kaum guru, golongan profesional dan korporat. Tidak ada perbezaan kelas, golongan, status, suku kaum, keturunan dan kedudukan sosial dipraktikkan dalam UMNO. Ia merupakan sebuah payung yang besar untuk menjaga dan melindungi kepentingan bangsa Melayu seluruhnya.

Buku ini berguna kerana ia kecil dan sederhana, mudah dibaca dan mencatatkan tiap detik penting dalam sejarah UMNO.

Mudah-mudahan ia tidak sahaja dibaca tetapi dimanfaatkan tidak sahaja oleh masyarakat malah juga oleh tiap anggota parti, sebagai panduan dan pelajaran kita mengetahui tradisi yang kita warisi sekarang dari generasi lama untuk menjadi panduan kita menghadapi masa hadapan.



● **Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad**

...Kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian kita setakat ini.



فِرْتُو بَهْزَنْ كِبْشَانْ مَلَيْ يُورْسِيَانْ(بَارُو)

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO  
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)**

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

**PRESIDEN**

PADA hari berbahagia ini, ketika kita menyambut Hari Ulang Tahun UMNO yang ke 50, marilah kita memanjatkan doa kehadirat Allah Subhanahu Wata'ala mengucapkan kesyukuran kepadanya kerana dengan limpah kurniaNya dan InayahNya, parti kita terus dipelihara dan dilindungi hingga menjadi satu-satunya parti yang terunggul memegang teraju Kerajaan yang memimpin negara dan rakyat ke arah pembangunan dan kemajuan pesat sejak kemerdekaan tanahair.

Sudah tentu perjalanan yang kita lalui selama 50 tahun itu penuh dengan duri dan ranjau, disulami dengan detik-detik pahit dan manis yang kini menjadi pengajaran dan pedoman bagi kita menghadapi masa depan yang lebih mencabar dan penuh dugaan.

Marilah kita memberikan sedekah Alfatihah kepada arwah para pelopor bangsa yang telah mendahului kita dan yang telah menaburkan jasa kepada bangsa, tanahair dan agama pada masa hayat mereka.

Tidak banyak parti politik di negara kita bahkan di rantau ini yang berusia selanjut parti kita. Kita amat terhutang budi kepada pemimpin-pemimpin kita yang lalu kerana berkat kebijaksanaan mereka memimpin UMNO segala cabaran dan ujian terhadap bangsa Melayu dilalui dengan jayanya. Parti kita bangun daripada sebuah parti kecil hingga ke sebuah parti yang terbesar sekali di tanahair dan dihormati oleh semua.

UMNO ditubuhkan hasil daripada permuafakatan dan kebulatan tekad setiap lapisan rakyat pada tahun 1946 untuk menentang Malayan Union anjuran pihak British. Itulah hari yang bersejarah untuk bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang mampu menyingkirkan perbezaan kefahaman, kepuakan dan kenegerian demi mempertahankan kedaulatan bangsa Melayu di tanahairnya sendiri. Bangsa Melayu daripada setiap lapisan kedudukan telah bersatupadu terhadap masa hadapan mereka. Cabaran bawaha bangsa Melayu akan pupus di tanahair sendiri telah disambut dengan kelahiran UMNO.

Ancaman terhadap kedudukan bangsa Melayu ketika itu telah mengajar orang-orang Melayu untuk bersatu melalui UMNO. Sebelum itu, bangsa Melayu hidup berpecah-belah dengan semangat kenegerian dan kesukuan masing-masing.

Ketika kita menyambut kelahiran UMNO ini ada sesetengah pihak mendakwa UMNO tidak layak merayakan Hari Ulang Tahunnya yang ke 50 kerana UMNO sekarang tidak serupa dengan UMNO tahun 1946. Kononnya UMNO tahun 1946 membela kepentingan bangsa Melayu sedangkan UMNO sekarang menghakis hak-hak istimewa orang Melayu.

Dakwaan ini hanya semata-mata untuk memutar-belitkan hakikat dan kebenaran sejarah sahaja. UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 dalam satu perhimpunan besar yang disertai oleh wakil-wakil daripada badan, pertubuhan, kesatuan serta perkumpulan Melayu dari seluruh negara termasuk dari Singapura. Ia direstui pertubuhannya oleh segenap pertubuhan yang wujud pada masa itu. Ia ditubuhkan untuk menjadi jurubicara dan pejuang merobohkan Malayan Union yang dibawa oleh British dan yang telah dipaksakan ke atas Raja-raja Melayu. Ia menerima amanah seluruh bangsa Melayu untuk mengembalikan kedaulatan Raja-Raja Melayu di negara ini. UMNO sekarang tiada bezanya dengan UMNO dahulu kerana ia masih meneruskan cita-cita, matlamat dan aspirasi UMNO dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu. Malah UMNO sekarang lebih besar perjuangan dan aspirasi untuk membawa bangsa Melayu, rakyat dan negara ini ke arah kemajuan paling pesat dalam sejarah dunia moden yang tidak pernah diimpikan oleh pejuang-pejuang UMNO yang terdahulu.

UMNO sebenarnya telah berjaya mengekalkan pengaruhnya dan kewibawaannya sebagai sebuah parti yang berjaya merintis dan membawa rakyat majmuk negara ini untuk membangun dalam sebuah negara yang demokratik dan adil. UMNO dari awal lagi memperjuangkan wawasan bahawa masa hadapan negara terletak pada keharmonian, rasa saling mengerti dan muhibah rakyatnya yang terdiri daripada berbilang kaum, budaya dan kepercayaan. Kini Malaysia, tanahair mereka ini, aman damai, makmur dan maju. Kini Malaysia menjadi contoh sebuah negara majmuk yang berjaya dengan rakyatnya hidup aman damai dan menikmati kehidupan yang makmur.

Inilah kejayaan UMNO yang amat kita banggakan. Kejayaan ini mendorong kita untuk bertambah yakin dan meneruskan proses membangunkan negara yang mempunyai satu bangsa Malaysia yang harmonis pada masa hadapan.

Sebagai sebuah parti politik tertua UMNO telah banyak teruji dan sesetengah ujiannya amat besar hingga mengancam kewujudannya. Sejarah UMNO terikat erat dengan sejarah bangsa dan negara selepas perang. Kecemerlangan prestasi negara sekarang ialah hasil titik peluh, jerih payah dan linangan air mata pemimpin-pemimpin kita dari sejak zaman Dato' Onn bin Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul Razak bin Hussein dan Tun Hussein bin Onn hingga sekarang. Generasi demi generasi bangsa Melayu yang kini sudah mencapai kemajuan dan kejayaan yang membanggakan dalam setiap bidang hidup adalah generasi yang telah meraih hasil perjuangan dan wawasan pemimpin-pemimpin kita yang lalu.

Ujian dan cabaran kita sekarang ialah menggunakan kecemerlangan prestasi kita sekarang sebagai asas untuk terus meningkat maju dan mencapai keagungan bangsa, negara dan agama dalam abad akan datang. Kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian kita setakat ini. Kita telah menunjukkan dan membuktikan bahawa bangsa Melayu mempunyai kekuatan moral dan kerohanian untuk mencapai kemajuan sejajar dengan bangsa-bangsa lain. Ulang Tahun UMNO yang ke 50 ini penuh ertiaya kepada kita kerana ia bertepatan dengan titik permulaan 'renaissance' atau kebangkitan bangsa Melayu merebut pusaka kegemilangan yang hampir pupus.

Kita harus bersedia menghadapi cabaran dan ujian lebih getir pada masa hadapan sebagai sebuah parti yang merupakan manifestasi cita-cita bangsa dan negara. Kita harus sedia bersaing dengan bangsa-bangsa lain untuk lebih maju dan mendapatkan hak kita.

Kita sebagai sebuah parti yang memegang teraju Kerajaan harus mengambil peranan yang positif memastikan bahawa rakyat daripada setiap lapisan, terutama bangsa kita, bersedia menghadapi masa depan dengan kekuatan mental dan kerohanian, mempunyai ilmu tinggi dalam setiap bidang dan dapat menyesuaikan diri dalam setiap keadaan dan perubahan yang berlaku.

Pada hari kita merayakan Ulang Tahun parti kita yang ke 50 ini, marilah kita memperbaharui tekad kita mempertahankan keunggulan parti kita sebagai kuasa yang merintis dan memimpin perjuangan rakyat ke arah mencapai satu wawasan yang menjanjikan kecemerlangan hidup dalam era baru abad mendatang.



Dr. Mahathir bin Mohamad

Kuala Lumpur

10 April 1996.



● **Dato' Seri Anwar Ibrahim**

...Cabaran yang perlu kita tangani jauh lebih getir dari yang dihadapi oleh pengasas UMNO.



فِرْتُو بَهْزَنْ كِبْشَانْ مَلَيْ يُورْسِيَلَوْ (بَارُو)

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO  
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)**

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

## TIMBALAN PRESIDEN

*Hari-bari pemerintahan feudal sudah berakhir,  
kita berada di zaman demokrasi dan pemerintahan berperlembagaan.  
- Almarhum Dato' Onn Jaafar, di Butterworth (Bagan) 1949.*

LIMA darsawarsa yang lalu umat Melayu dikehujung dengan ledakan suara raksasa. Bangsa yang dianggap lemah, sekian lama terjajah, tersisih dari arus perdana masyarakat dunia dan dibelenggu oleh budaya feudal sekonyong-konyong bangun untuk menebus maruh dan mempertahankan hak. Penubuhan UMNO adalah cetusan kesedaran umat membebaskan diri dan masyarakat dari segala bentuk kemiskinan dan kedhaifan dan menjadi wadah membentuk sejarah.

Kini sempena menyambut Ulang Tahun ke 50 UMNO kita perlu melakukan muhasabah, analisis diri serta merenung kembali atas-asas perjuangan, landasan yang menjadikan UMNO sebagai gerakan rakyat. Selama UMNO setia dengan cita-cita perjuangannya parti kita tidak kehilangan keceriaan dan dinamisma. Kesegaran cita-cita tersebut akan terus mendorong UMNO bersikap mansang dan progresif untuk menggembangkan potensi membina masyarakat makmur, adil dan penyayang.

Ucapan Almarhum Dato' Onn Jaafar 50 tahun lalu sebagai Penggerusi Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman mengungkapkan hasrat yang mendorong penubuhan UMNO, iaitu: "...hendak membina tapak-tapak bangunan yang akan mengasilkan dan mengesahkan cita-cita bangsa kita yang telah lama didamkan iaitu persatuan di antara kita sendiri." Maka UMNO lahir sebagai wadah menggembangkan kekuatan umat Melayu. Tetapi pengembangan kekuatan perpaduan umat mempunyai tujuan yang mengatasi perpaduan itu sendiri. Dato' Onn amat sedar bahawa usaha "menghimpunkan kita (iaitu umat Melayu) beramai-ramai," dan daya hidup serta kesinambungan perpaduan tersebut bergantung kepada kesetiaan kepada cita-cita murni perjuangan yang mengatasi kelompok, golongan, bahkan bangsa.

Keinsafan ini beliau lafazkan dengan keyakinan "...babawa nasib bangsa kita itu hanyalah dapat diperkekalkan dengan kesatuan hati di antara kita juga dan kesatuan kebangsaan kita itu hanyalah akan dapat dipelihara dengan berpegang kepada kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi daripada bangsa itu sekalian."

Pengasas UMNO membicarakan kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi, bukan sekadar perpaduan dan kemerdekaan politik. Perjuangan rakyat perlu memiliki agenda yang menyeluruh. Justeru itu mereka mengisbat dan menggarap perjuangan politik moden yang sejagat dan serasi dengan agama Islam dan kebudayaan Melayu. Cita-cita keadilan sosial, hak asasi manusia, keperlembagaan, musyawarah, dan unsur-unsur ke arah pembinaan masyarakat madani jelas dalam pemikiran pengasas-pengasas UMNO. Sejak tahun 1955 lagi, atau mungkin lebih awal dari itu kepimpinan UMNO telah menyuarakan gagasan bahawa mereka sebagai pemegang amanah rakyat untuk melaksanakan "... tugas membentuk suatu bangsa yang baru." Gagasan bangsa baru tersebut sudah tentu dicetuskan oleh revolusi akliah dan cita-cita membela nasib rakyat dan mengangkat martabat umat.

Obor idealisma ini mestinya terus menyalah justeru kesetiaan kepada cita-cita murni inilah yang akan mengadun dan menjana tenaga antara generasi dan memungkinkan UMNO memikul tanggungjawab sebagai pewaris zaman. Inilah yang perlu difahami dari ungkapan pengasas UMNO bahawa "*timbalan neraca nasib bangsa kita itu adalah di dalam genggaman tuan-tuan pada hari ini*."

Sebagai parti yang diasaskan pada perjuangan rakyat, UMNO perlu sentiasa jelas dengan matlamat perjuangan dan peranannya sebagai pelindung kepentingan umat. Kita perlu menilai sejauh mana kita telah mencapai matlamat keadilan, pengagihan dan kesejahteraan rakyat jelata. Dasar kita bukannya untuk menimbulkan kekayaan kepada kelompok tertentu, mempamerkan keangkuhan dan membiarkan kerakusan kuasa. Landasan ini perlu diperjelaskan kerana UMNO hari ini bergerak pada zaman yang didorong oleh angin pembaharuan, jika tidak UMNO akan tergelincir dari landasan. Tetapi ini tidak menafikan keperluan pembaharuan untuk memperluas garapan perjuangan parti.

Semangat musyawarah dan amalan demokrasi menjadikan UMNO sentiasa bersama rakyat, mengetahui penderitaan dan harapan mereka. Inilah rahsia kekuatan kita. Yang menjadikan UMNO kebal ialah kekuatannya terbit dari sokongan rakyat. Apabila UMNO tidak lagi dapat memahami denyut nadi umat ketika itu pendarlah masa depan UMNO.

Keberkesanan demokrasi pula bergantung kepada disiplin dan prinsip moral. Demokrasi adalah untuk menggembungkan kekuatan demi kepentingan rakyat dan bukan untuk menimbulkan porak peranda yang menghakis kekuatan parti. Maknanya, demokrasi juga perlu menjadi

benteng moral yang utuh menggariskan prinsip ketinggian akal budi, dalam usaha kita menangani pelbagai bentuk penyakit dalam seperti penyelewengan kuasa, kegiatan adu domba dan rasuah politik. Semangat demokrasi sepetimana juga dalam prinsip syura ialah memberikan kepercayaan kepada keupayaan dan kebijaksanaan rakyat berdasarkan prinsip keluhuran budi dan di dalam lingkungan perlombagaan.

Jika UMNO ingin terus unggul di abad ke 21 dan alaf yang baru maka perjuangan kita perlu menampilkan sifat keilmuan. Justeru itu UMNO perlu merangsang gerakan akliah yang baru sebagaimana yang diterokai oleh ilmuan umat yang ulung seperti Hamzah Fansuri dan Nurudin Al-Raniri, Raja Ali Haji dan Za'aba mencetuskan revolusi pemikiran untuk zaman masing-masing. Revolusi akliah juga menjadi prasyarat kepada pembentukan masyarakat madani iaitu masyarakat yang diasaskan pada keadilan dan ihsan dan perjuangan membanteras kezaliman, serta kesungguhan menggilap akal budi, membangun ekonomi, mempelopori teknologi dan industri serta memperkasa budaya.


Justeru kekuatan kita bukan terbatas pada politik dan ekonomi, tetapi juga mencakupi gelanggang budaya. Seperti yang dihuraikan oleh pemikir agung Abdul Rahman Ibn Khaldun bahawa runtuhnya peradaban bermula dengan terhakisnya keluruhan akhlak. Apabila kita menyanggah kerendahan akal budi dan kebejatan sosial, ia tidak lain dari untuk membangkitkan kesedaran, melaksanakan amar makruf nahi mungkar dan mempertajamkan iltizam untuk regenerasi moral dan reformasi masyarakat. Ia harus tercerna dari keinsafan dhamir, tuntutan dan gelutan hati nurani - conscience; bukannya slogan murahan, ekspediensi politik dan disuarakan secara enteng dan penuh kepura-puraan.

Kita perlu merangsang masyarakat dengan kefahaman Islam yang murni dan membebaskan insan dari bujukan nafsu, kejahilan dan kezaliman. Urusan kenegaraan dan masyarakat begitu penting dari sudut agama. Ini ditegaskan oleh Mujaddid Islam Ibn Taymiyah dalam al-siyasah al-syar'iyyah bahawa: "Urusan masyarakat dan kenegaraan adalah kewajipan agama yang terbesar."

UMNO akan menyongsong ke abad dan alaf baru. Cabaran yang perlu kita tangani jauh lebih getir dari yang dihadapi oleh pengasas UMNO. Kita kini mewarisi sistem politik yang lebih mantap. Pertumbuhan ekonomi pula lebih rancak dan menyakinkan. Namun kita tercabar agar lebih bijaksana dalam merungkai persoalan politik dan ekonomi yang semakin canggih.

Kerukunan hidup rakyat pelbagai kaum dan agama lebih menuntut kepada kebijaksanaan dan kewaspadaan. Kealpaan sejenak akan memungkinkan penyerapan gerombolan pelampau kaum dan agama ke dalam masyarakat kita. Bagi menangani cabaran baru kita harus berdiri kukuh di atas landasan dan bersedia menerima pembaharuan.

Pertumbuhan harus diimbangi dengan tuntutan keadilan sosial. Cita-cita umat harus lebih tinggi; meleburkan nilai negatif dan meransang umat ke tahap cemerlang. Bukan sekadar kenyataan (reality) yang perlu kita hadapi, alam yang disebut sebagai seakan-akan kenyataan (virtual reality) dan cyberspace turut mengasak keperibadian dan makna diri kita. Kita perlu mengekalkan pendekatan sederhana, bersikap terbuka dan menerima segala yang baik dari mana sahaja datangnya namun kita perlu berpegang teguh dengan prinsip moral. Insya Allah, sekiranya kita memiliki keyakinan dan sentiasa memperbaharui tekad perjuangan UMNO akan dapat mengatasi segala kemelut dan cabaran serta akan terus unggul.



Anwar Ibrahim

24 April 1996.



● ISTANA Besar Johor Bahru.. Iahiniya UMNO pada 11 Mei 1946.



● **Dato' Mohamed Rahmat**

...Perpaduan dalam UMNO adalah benteng ketahanan parti.



فِرْتُو بَهْرَنْ كِبْشَانْ مَلَيْ يُورْسِيَاتُو (بَارُو)

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO  
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)**

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

**SETIAUSAHA AGUNG**

UMNO atau PEKEMBAR atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, parti politik yang memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu atau Malaysia, pada hari ini boleh disifatkan sebagai sebuah parti yang unik kerana perjuangannya berdasarkan musyawarah, rundingan dan kedamaian. Dalam sejarah perjuangan UMNO memerdekaan negara, tidak setitik pun darah yang tumpah dan tiada nyawa yang korban berbanding kebanyaknya parti-parti politik di dunia yang terpaksa mengajak rakyat mengangkat senjata untuk berperang dan menganjurkan revolusi bersenjata untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu penjajahan. Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu/Malaysia dicapai melalui rundingan di meja bulat.

UMNO tidak hadir atas kehendak dan cita-cita pemimpin. Ia wujud atas semangat dan jiwa rakyat yang membawa yang mahukan kemerdekaan. Kesatuan juang rakyat itulah yang menjadi senjata utama yang pada akhirnya mendesak British mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos, 1957.

Perjuangan UMNO adalah dari rakyat dan untuk rakyat dan oleh kerana UMNO tetap peka dan prihatin dengan tuntutan rakyat jelata pada sebilang masa, maka perjuangannya tetap diterima dan disokong oleh rakyat jelata sehingga ke tarikh ia merayakan hari ulang tahunnya yang ke 50 iaitu pada 11 Mei, 1996. Hasil pilihanraya tahun 1995 yang memberikan kemenangan besar kepada Barisan Nasional iaitu 86% kerusi Parlimen dan 65% undi popular menunjukkan bagaimana kekuatan UMNO telah mempengaruhi para pengundi untuk menyokong Kerajaan Barisan Nasional yang diasaskan oleh UMNO.

Sebenarnya tidak banyak parti politik di dunia yang diasaskan oleh rakyat jelata untuk menuntut kemerdekaan dapat mencapai martabat dan kejayaan yang sebegitu hebat seperti UMNO dan terus diberi mandat memerintah negara hampir 40 tahun. Banyak parti-parti tersebut telah hilang dari muka bumi kerana ia telah menyelweng dari asas perjuangannya dan pemimpin-pemimpinnya terlalu taksuh dengan kuasa dan menyalahgunakan kuasa tanpa memikirkan kesan buruk dan keyakinan rakyat terhadap parti. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bahawa hal sedemikian tidak berlaku kepada UMNO dan semoga Allah senantiasa memberkati perjuangan kita demi agama, bangsa dan nusa sepanjang masa.

Kita bersyukur bahawa UMNO dapat wujud sekian lama dan telah dapat membina negara yang stabil, bersatu padu, aman damai, yang maju lagi makmur. UMNO bukan sahaja diterima oleh orang-orang Melayu, malahan oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan, agama dan budaya, UMNO telah menjadi payung di mana rakyat dapat perlindungan sepenuhnya baik dari segi politik, ekonomi, sosial dan keselesaan dan kesejahteraan hidup yang tiada hentinya.

Sungguhpun begitu, sebagai parti yang besar ia tidak sunyi daripada berbagai cabaran dan dugaan baik dari dalam maupun luar, dalam sejarahnya yang panjang itu. Dua kali dalam sejarahnya dua golongan serpihan telah keluar dari UMNO untuk mencabar UMNO dari luar akibat pertentangan dalaman. Pertamanya peristiwa tahun 1951 di mana Allahyarham Haji Ahmad Fuad dan rakan-rakannya keluar UMNO untuk menujuhkan Parti Islam Se Malaya atau PAS. Keduanya ialah pada tahun 1988 di mana Tengku Razaleigh Hamzah dan teamnya keluar UMNO untuk menujuhkan Parti Semangat 46. Ia juga telah mengalami lima kali perubahan pimpinan yang membawa bersamanya gaya dan wawasan yang baru.

Setiap cubaan dan dugaan serta perubahan yang berlaku tidak pernah melemahkan UMNO, malahan ia telah memperkuatkan UMNO dari masa ke semasa. Ini adalah kerana UMNO sanggup mempelajari dan mengambil iktibar daripada kelemahan-kelemahan dari cabaran-cabaran yang dilalui-nya dan mengambil langkah-langkah yang wajar sesuai dengan keadaan dan kedudukan serta tuntutan masa pada ketika UMNO itu berada. Pemimpin-pemimpin UMNO pula dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna lagi bijaksana untuk membawa UMNO ke tahap yang lebih maju dan berjaya lagi, sesuai dengan tuntutan rakyat dan kepentingan negara. Visi yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin UMNO selama 50 tahun itu telah memainkan peranan yang besar dalam meletakkan UMNO ke tahap yang amat mulia, disegani dan diterima oleh kawan dan lawan, malahan nama UMNO di masyarakat antarabangsa adalah tinggi serta dihormati.

Dalam kemeriahannya kita semua merayakan hari kemenangan UMNO ini, dan di dalam kita semua menadah tangan ke hadrat Allah subhanahu wataala bagi menyatakan kesyukuran kita yang tidak terhingga di atas segala kurnianya memberkati perjuangan kita selama ini, wajar juga kita semua menoleh ke belakang untuk sejenak mengenang kembali sejarah perjuangan UMNO serta memahami sedalam-dalamnya tentang asas-asas perjuangan UMNO itu sendiri agar kita tidak akan tergelincir daripada landasan yang telah diasaskan oleh rakyat jelata yang menujuhkan UMNO. Mungkin kita perlu mengambil iktibar daripada kebaikan-kebaikan dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh parti selama 50 tahun yang lalu dan kita jadikan ilitzam bagi kita semua bekerja keras untuk terus mencipta kejayaan-kejayaan yang lebih besar untuk parti demi agama, bangsa dan nusa.

Ada baiknya pula kita insaf tentang kelemahan-kelemahan yang ada agar ianya dapat menyedarkan kita semua untuk bertindak menghapuskan sebarang kelemahan yang boleh menjasakan keutuhan parti. Molek juga pada saat yang gembira ini kita ambil iktibar daripada masalah dalaman yang telah menggegar dan melemahkan parti khususnya peristiwa hitam pada tahun 1987 yang telah mematikan parti buat seketika, apabila UMNO dibatalkan pendaftarannya pada 8 Februari, 1988 oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia akibat daripada perlaku pemimpin dan ahli-ahli parti yang terlalu terdorong nafsu untuk berkuasa dengan mengheret UMNO ke mahkamah tanpa memikirkan akibat-akibat buruk daripada tindak-tanduk mereka itu.

Allahyarham Tun Abdul Razak, bekas Presiden UMNO pernah mengingatkan kepada kita semua pada tahun 1974 iaitu setelah UMNO kembali kuat selepas melalui dilema tahun 1969 bahawa ahli-ahli UMNO tidak harus berbangga dan khayal dengan kekuatan yang ada melainkan kekuatan itu terus dipupuk dan dipelihara. Kekuatan itu sendiri boleh melemah dan melumpuhkan parti. Allahyarham Tun Dr Ismail pernah mengingatkan juga kepada kita semua bahawa ancaman terhadap parti bukannya dari luar melainkan dari dalam. Masalah dalaman parti merupakan musuh terbesar UMNO yang boleh membunuh UMNO.

Mulai pertengahan tahun 70-an, masalah dalaman parti mula menunjukkan taringnya. Soal rebutan kuasa, penyalahgunaan kuasa dan politik wang sudah menampakkan bahaya yang bukan sahaja boleh memecahbelahkan ahli malah boleh merosakkan parti. Peralihan kuasa dari Allahyarham Tun Haji Hussein bin Dato' Onn, Presiden UMNO yang keempat kepada Presiden UMNO yang kelima iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlangsung dalam keadaan yang aman lagi terhormat di dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1981 nampaknya tidak meninggalkan kesan yang membina kepada ahli-ahli parti. Perebutan jawatan semakin menjadi-jadi. Penyalahgunaan kuasa dan politik wang digunakan untuk berebut jawatan. Ada yang menganggap seolah-olah kestabilan dan kekuatan parti merupakan lesen bagi mereka berbuat apa sahaja asalkan niat dan nafsu mereka dipenuhi. Hormat dan setia kepada pemimpin mulai hilang. Yang berseteru sanggup berkawan untuk menentang dan menjatuhkan pemimpin. Maka berlakulah peristiwa perebutan kuasa yang paling besar dan pahit yang dialami UMNO pada tahun 1987 di mana kedudukan Presiden UMNO dicabar secara terbuka. Hasilnya ialah UMNO berpecahbelah. Ia menjadi lemah dan UMNO terkubur pada 8 Februari, 1988. Kuasa politik Melayu di tanahairnya sendiri turut berkubur dengan kematian UMNO.

Pembatalan pendaftaran UMNO, parti politik yang terbesar di Malaysia pada tahun 1988 bukan sahaja bererti lenyapnya kuasa politik Melayu malahan kuasa memerintah yang ada padanya juga terancam baik di peringkat Persekutuan mahupun negeri-negeri.

Kedudukan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan anggota kabinet yang dijawat oleh UMNO di peringkat Persekutuan dan jawatan-jawatan Menteri Besar, Ketua Menteri dan anggota Exco Negeri yang dijawat oleh UMNO juga terancam. Pembatalan pendaftaran UMNO bererti UMNO terkeluar dari Parti yang memerintah iaitu Barisan Nasional. UMNO hilang haknya sebagai komponen parti yang memerintah iaitu Barisan Nasional. Sekaligus UMNO hilang kuasa memerintah di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Peristiwa ini boleh dianggap sebagai peristiwa yang paling malang dan paling mengaibkan bukan sahaja untuk UMNO malah untuk orang-orang Melayu pada keseluruhannya. Tidak ada apa yang hendak dibanggakan lagi baik dari segi kehebatan kuasa politik Melayu dan ketuanan negeri kerana pada ketika itu segala kuasa secara automatik jatuh ke tangan orang lain. Kedudukan wakil-wakil rakyat dari UMNO baik di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri mula tergugat.

UMNO terpaksa ditaja semula dan didaftarkan sekali lagi menurut Akta Pertubuhan 1988. Pada 13 Februari, 1988 berdaftarlah semula UMNO sebagai UMNO (Baru) yang terpaksa menghadapi cabaran baru baik dari segi keyakinan bekas ahli dan yang lebih hebat lagi ialah ancaman golongan serpihan yang berusaha menghidupkan UMNO lama melalui mahkamah.

Pada 13 Mac, 1988 UMNO telah memohon untuk menjadi anggota Komponen Barisan Nasional dan mesyuarat Barisan Nasional yang dipengerusikan oleh Presiden MCA telah menerima permohonan UMNO secara konsensus. Maka berkuasalah UMNO sekali lagi dan keyakinan bekas ahli, orang-orang Melayu dan rakyat jelata mulai pulih.

Keanehan peristiwa ini ialah, menurut sejarah UMNOlah yang menaja Parti Perikatan pada tahun 1955 dan UMNO yang juga menaja Parti Barisan Nasional pada tahun 1974. Sebagai tunjang kepada Perikatan dan Barisan Nasional kuasa UMNO tidak pernah tergugat dan pandangannya dihormati dalam sebarang perkara terutama dalam membuat sesuatu keputusan. Pada tahun 1988, nasib UMNO dari segi kuasa terpaksa ditentukan oleh orang lain.

Pemulihan UMNO mengembalikan semula keyakinan rakyat jelata terhadap Barisan Nasional dan kerajaan Barisan Nasional dan kestabilan politik Malaysia menjadi lebih kukuh. Sokongan orang-orang Melayu kepada UMNO sangat menakjubkan sehingga ia kembali kepada kedudukannya sebagai parti politik yang terbesar di Malaysia dan tunjang kepada Barisan Nasional.

Krisis UMNO pada tahun 1988 sebenarnya membawa tuah kepada UMNO. Ia bukan sahaja telah menyelesaikan masalah dalaman malahan ia telah dapat memberikan nafas dan jiwa baru kepada UMNO. Dalam masa yang singkat sambutan dan sokongan orang-orang Melayu sungguh hebat diibaratkan seperti kembalinya sesuatu idaman yang telah lama hilang. Struktur organisasinya semakin kukuh di mana jumlah cawangannya telah berlipat ganda iaitu dari 8,723 cawangan pada tahun 1987 kepada 16,966

cawangan pada tahun 1996. Jumlah keahliannya juga berlipat ganda iaitu daripada 1.2 juta ahli pada tahun 1987 kepada 2.4 juta ahli pada tahun 1996. Kejayaannya yang paling besar ialah berkembangnya sayap UMNO ke negeri Sabah suatu peristiwa yang tidak pernah diidamkan pada masa yang lalu. UMNO sudah menjadi parti yang bersifat nasional pada hari ini dan masa depan bangsa dan negara akan turut ditentukan oleh UMNO.

Dalam kita merayakan Ulang Tahun UMNO ke-50 ini, kita sebenarnya merayakan puncak kejayaan UMNO atau ‘Tahun Keemasan’ UMNO. Kita sebenarnya menyaksikan peristiwa ‘Kemahkotaan UMNO’ atau ‘The Crowning of UMNO’. Kita semua harus bergembira dan berbangga dengan peristiwa ini kerana perjuangan UMNO adalah perjuangan bangsa dan negara dan masa depan UMNO adalah masa depan bangsa dan negara. Hidup UMNO hidup negara. Kuat UMNO kuat negara.

Kegagahan UMNO dewasa ini bukan sahaja terbayang kepada kekuatan struktur dan jumlah ahlinya. UMNO pada hari ini mempunyai kekuatan baru iaitu dari segi jumlah ahli muda yang menganggotainya. Lebih 60% ahlinya terdiri daripada mereka yang di bawah umur 40 tahun iaitu mereka yang memiliki daya fikir yang lebih baik hasil kejayaan pendidikan negara, yang mempunyai jiwa semangat yang lebih tinggi serta tindak tanduk yang lebih positif. Inilah kekayaan baru dalam UMNO parti yang dulu dikatakan ‘parti orang kampung’.

Apakah kekayaan baru ini benar-benar dapat mendorong UMNO ke tahap perjuangannya yang lebih perkasa dan mewujudkan kecemerlangan bangsa dan negara seperti yang dicita-citakan dalam Wawasan 2020 iaitu menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020? Jawapannya ialah benar dengan syarat ahli-ahli muda benar-benar faham dan menghayati dengan jelas sejarah perjuangan UMNO serta dengan setia lagi ikhlas senantiasa mengutamakan kepentingan parti. Sambil itu Perlembagaan UMNO dan Tataetika ahli parti hendaklah senantiasa dijunjung tinggi.

Peraturan-peraturan dan disiplin parti hendaklah sentiasa dipatuhi. Rebutan kuasa harus dielakkan. Amalan rasuah politik dan salahguna kuasa wajib dihapuskan. Amalan demokrasi dalam UMNO jangan sekali disalah tafsirkan apatah lagi disalahgunakan. Hormat dan patuh kepada pemimpin sebagai salah satu kekuatan wajar dibudayakan dengan lebih bermakna. Semangat kekeluargaan, kemesraan dan musyawarah wajib dipertahankan terutama di dalam membuat keputusan-keputusan yang menyentuh kepentingan parti, agama, bangsa dan nusa. Dinamika dan pragmatisme yang ada dalam UMNO saya yakin akan dapat membawa kita semua ke era yang lebih cemerlang bagi Malaysia dan rakyatnya.

Perpaduan dalam UMNO adalah benteng ketahanan parti.


Perpaduan Melayu adalah asas keutuhan negara. Semoga melalui perayaan ulang tahun kelahiran UMNO yang ke-50 ini akan bangkit sekali lagi kesatuan dan perpaduan Melayu yang lebih kukuh seperti yang diasaskan pada tahun 1946. Mana yang telah sesat jalan, ayuh marilah kembali ke pangkal jalan agar agenda perjuangan UMNO untuk Melayu dan Malaysia bagi abad 21 akan lebih mudah terlaksana dan tercapai.

Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar, Yang Dipertua atau Presiden UMNO yang pertama pernah mengingatkan kepada ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu di dalam mesyuarat penubuhan UMNO di Istana Besar Johor Bahru pada tahun 1946 bahawa:-

"Melayu hanya boleh selamat apabila kuat dan kuat apabila bersatu padu."

Selamat berjuang dan selamat menyambut Hari Ulang Tahun UMNO yang ke 50.

**BERSATU BERSETIA BERKHIDMAT**



23 April 1996.



● **TUNKU Abdul Rahman...** Kita berjuang bersungguh-sungguh  
bukan sekadar berpolitik untuk memberi tempat atau kedudukan.



● **TUN Abdul Razak**, Jauhilah daripada perbuatan yang boleh membawa kepada pertengkaran dan perpecahan sesama kita sendiri.

# PERJALANAN LIMA PULUH TAHUN UMNO



Oleh  
**DATO' MOHAMED RAHMAT**  
Setiausaha Agung UMNO

PARTI UMNO yang kita sayangi genap berusia 50 tahun pada 11 Mei, 1996. Sejak setengah abad yang lalu, UMNO telah mengabdikan dan mengabdiakan khidmatnya untuk negara, bangsa dan agama tanpa mengenal erti jemu. Tanah Melayu, kemandiannya Malaysia (berikutnya penyertaan Sabah dan Sarawak serta pada satu ketika Singapura ke dalam sebuah Persekutuan) telah berjaya ditransformasikan oleh UMNO dari sebuah negara ekonomi yang berdasarkan pertanian menjadi sebuah negara industri maju sepenuhnya menurut rancangannya pada tahun 2020. Di bawah pimpinannya yang silih berganti, bermula dengan Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, UMNO telah berupaya mengangkat martabat bangsa dan negara ke

tahap yang lebih tinggi.

Di peringkat antarabangsa pula, UMNO telah berjaya mengubah imej negara di mata dunia. Dari sebuah aktor antarabangsa yang tidak begitu dikenali, Malaysia kini turut memainkan peranan yang proaktif dalam isu-isu besar dunia yang satu waktu scolah-olah dimonopoli oleh kuasa-kuasa Eropah semata-mata. Di kalangan dunia membangun, Malaysia diterima sebagai role model sebuah negara yang berjaya menguruskan ekonominya dengan baik. Keajaan kita berada di ambaang menjadi sebuah negara industri dihormati, dicemburui, disegani dan juga digeruni. Selama 15 tahun di bawah pimpinan Dr. Mahathir, UMNO benar-benar muncul sebagai organisasi politik yang dikagumi dan mahu di contohi.

Apa yang lebih membang-





● ULANG TAHUN UMNO yang ke 49 disambut secara sederhana di perkarangan Ibu Pejabat parti di Kuala Lumpur.


gakan kita ialah semua kejayaan yang dicapai oleh UMNO dalam tempoh lima dasawarsa itu tidak setitikpun menumpahkan darah orang Melayu yang diperjuangkaninya. Walaupun dalam budaya orang Melayu terdapat apa yang dipanggil amuk, namun orang Melayu, melalui UMNO tidak pernah menganjurkan amuk sebagai asas dan strategi perjuangannya. Sebaliknya UMNO telah bertindak bijaksana, menggunakan budaya Melayu yang berpaksikan kepada mesyuarah, permuafakatan, perbincangan, dalam memenuhi cita-cita politiknya. British nampak kebijaksanan UMNO itu. Benar pihak berkuasa British melakukan tangkapan terhadap sebilangan para pejuang UMNO, tetapi segala masalah yang dihadapi telah diselesaikan dengan menonjolkan kebudayaan politik yang berpaksikan perdamaian dan keamanan. Itu sebabnya walaupun British tidak pernah menyenangi UMNO pada mulanya, tetapi ia kemudian menjadi sebuah organisasi yang dihormati dan dise-

gani dan dilibatkan dalam proses kemerdekaan.

Selama tempoh 50 tahun itu juga, UMNO telah membina kekuatan demi kekuatan yang sekaligus membuktikan bahawa orang Melayu bukanlah bangsa yang pemalas dan bodoh seperti yang kerap kali digembargemburkan oleh penjajah dan orientalis Barat yang lain. Kemampuan orang Melayu menguruskan negara, sudah terbukti. Bangsa yang pada satu ketika dikatakan tidak tahu membuat jarum walaupun sebatang, kini mampu mengeluarkan kereta nasionalnya sendiri yang kini bergerak megah di jalan-jalan di serata dunia. Pada hari ini, UMNO muncul sebagai parti terbesar, bukan sahaja di tanahair kita yang tercinta ini, tetapi di seluruh dunia. Keahlianya kini berjumlah 2.4 juta orang. Ia juga mempunyai cawangan dan bahagian di setiap negeri - kecuali di Sarawak. Petanda yang ada memperlihatkan bahawa keanggotaannya akan senantiasa

bertambah. Sewaktu kita merayakan ulang tahun jubli emas kelahiran UMNO ini, sewajarnya kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana parti kita telah senantiasa dirahmatinya.

Sejak ditubuhkan UMNO sudah bertukar pemimpin sebanyak lima kali - dari Datuk Onn Jaafar kepada Tunku Abdul Rahman, kemudian Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan sekarang Datuk Seri Dr. Mahathir. Tetapi kerana peralihan pimpinan itu berjalan lancar ia telah tidak mengganggu kestabilan UMNO. Memanglah dari masa ke masa berlaku pergeseran yang mencetuskan perbutan kuasa seperti yang terjadi dalam pemilihan pucuk pimpinan 1987 di mana Dr Mahathir telah dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah sehingga membawa kepada pengharaman UMNO itu sendiri. Apa yang terjadi sepanjang 1987 dan 1988 itu merupakan pengalaman pahit dan getir yang pernah dihadapi oleh UMNO dalam sejarah



● PEMANDANGAN di Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan setiap tahun di Dewan Merdeka PWTC Kuala Lumpur.

kewujudannya. Tetapi dalam menghadapi krisis seumpama itu, pimpinan Mahathir tidak pernah hilang pedoman. UMNO dihidupkan semula dan setiap orang Melayu, termasuk mereka yang pernah menentang dan menderhaka, ada tempat mereka di dalam UMNO. Segelintir keluar meninggalkan UMNO untuk membentuk parti serpihan mereka sendiri. Bagaimanapun sebahagian besar kembali semula ke pangkuhan UMNO. Keahlian parti bertambah, melebih jumlah sewaktu ia diharamkan. Hari ini, UMNO muncul sebagai parti yang terkuat di Malaysia.

Perjalanan yang dilalui oleh UMNO sepanjang 50 tahun itu dengan jelas menggambarkan sebagai sebuah parti yang dianggotai oleh manusia biasa, UMNO tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai pergolakan dalam, ada kalanya serius, getir dan pahit sejak penubuhannya lagi. Syukurlah bahawa pengalaman-pengalaman itu telah

menjadikan UMNO sebuah parti politik yang lebih matang dan pragmatik. UMNO, berdasarkan kekuatan yang ada sekarang, sudah mempersiapkan diri untuk memanjangkan perjuangan Melayu bukan sekadar untuk abad ke 21, tetapi untuk satu milenium yang akan datang. Sewajarnya sempena ulang tahun ke 50 UMNO ini, kita bukan sahaja memandang ke depan, tetapi juga menoleh ke belakang untuk mengimbas semula detik-detik bersejarah yang telah melahirkan UMNO sehingga ia muncul menjadi sebuah parti politik yang berkesan memperjuangkan kepentingan bangsa dan negara.

#### MALAYAN UNION DAN KELAHIRAN UMNO

Secara rasmi UMNO telah ditubuhkan di Johor Bahru pada 11 Mei, 1946. Penubuhannya adalah lambang kepada perpaduan Melayu menentang pemerintahan Malayan Union yang diperkenalkan oleh kerajaan British selepas ia menguasai semula

Tanah Melayu berikutan Jepun menyerah kalah pada 14 Ogos, 1945. Projek Malayan Union itu telah membawa perubahan yang radikal terhadap pemerintahan negeri-negeri Melayu. Di bawah sistem Malayan Union itu, negeri-negeri Melayu - Bersekutu dan Bukan Bersekutu - bersama dua negeri Selat - Melaka dan Pulau Pinang - diletakkan di bawah satut kesatuan dan ditadbirkan sebagai jajahan takluk British. Melalui tipu helah, Raja-raja Melayu telah dipengaruhi supaya mendaftarkan perjanjian dengan Harold MacMichael bagi menyerahkan kuasa pemerintahan dan kedaulatan kepada kerajaan British. Orang-orang asing yang dibawa oleh British ke Tanah Melayu juga ditawarkan kerakyatan sewenang-wenangnya di bawah pemerintahan Malayan Union ini.

Apabila bentuk pemerintahan baru Semenanjung Tanah Melayu diumumkan di Parlimen British pada 10 Oktober 1945, maka

orang-orang Melayu dari Perlis ke Singapura, melalui persatuan negeri masing-masing, berkumpul dan bersuara membantah Malayan Union. Satu perhimpunan besar-besaran dinamakan Kongres Melayu Semalaya telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac, 1946.

Tiga ketetapan telah dipersejutui di Kongres itu. Pertama, menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Kedua, membantah pembubuhan Malayan Union. Ketiga, mengadakan Derma Pelajaran Kebangsaan Melayu.

Satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menentang pembubuhan Malayan Union. Melalui akhbar-akhbar seperti Utusan Melayu dan Majlis, suara orang Melayu menentang Malayan Union dapat dibaca. Di bawah pimpinan Yang Dipertua yang pertama, Datuk Onn Jaafar, UMNO berjaya menasihatkan Sultan-sultan Melayu supaya tidak menghadiri upacara perlantikan Gabenor Malayan Union yang pertama, Edward Gent dan secara simbolik peristiwa itu adalah manifestasi kemarahan dan bangkangan orang-orang Melayu terhadap Malayan Union. Kerajaan British yang menyedari bahawa pemerintahan barunya itu tidak mendapat sambutan orang Melayu, akhirnya mengalah. Kerajaan Malayan Union kemudian dibubar pada dua bulan selepas ia diperkenalkan.

#### MENGINSTITUSIKAN PERSEKUTUAN TAHAN MELAYU

Dua bulan selepas wujudnya Malayan Union, kerajaan British telah menyatakan kesediaan mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil UMNO dan Raja-raja

bagi menwujudkan satu kerajaan persekutuan yang baru. Rundingan ini berlangsung hingga 21 Januari 1948 apabila Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan wakil kerajaan British yang mengembalikan semula kuasa dan kedaulatan Raja-raja. Secara rasmi Persekutuan Tanah Melayu dilahirkan pada 1 Februari, 1948.

Kerajaan Persekutuan ditadbir oleh Pesuruhjaya Tinggi dan dibantu oleh beberapa ahli Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan termasuk Yang Dipertua UMNO,

Datuk Onn Jaafar yang telah diberi tanggungjawab sebagai Ahli Ehwal Dalam Negeri. Sesama memegang jawatan itu, Datuk Onn telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan RIDA yang bertujuan membantu orang-orang Melayu mencebur perusahaan.

Pemerintahan di peringkat negeri pula adalah di bawah kuasa Menteri Besar dibantu oleh Penasihat British.

#### MENGHADAPI DARURAT

Perjuangan awal UMNO bukan sekadar menentang penu-



● DATUK Seri Dr Mahathir diulang oleh Datuk Seri Anwar, Datuk Mohamed Rahmat dan Datuk Yaacob Mohamad sebaik saja Barisan Nasional diumumkan mencapai kemenangan besar dalam Pilihanraya Umum 1995. Turut serta ialah Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.



● PRESIDEN UMNO, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad (dua dari kiri) dan Dato Seri Anwar Ibrahim bersama sebahagian ahli umum UMNO, Drsck Mohamed Rahmat (ketiga dari kiri) berasa senang menerima menghadiri acara di Kuala Lumpur Ismail Embong (kanan).

bahan Malayan Union, tetapi untuk mempastikan bahawa Tanah Melayu tidak jatuh ke tangan komunis. Ini kerana Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah ditubuhkan antara 1930 dan 1931, secara terbuka sudah merencanakan penubuhan sebuah Republik Komunis Tanah Melayu. Untuk merealisasikan objektif politiknya itu, PKM yang mendapat dokongan Beijing dan Moscow waktu itu, telah beralih kepada perjuangan yang berbentuk keganasan dan kekerasan. Pada bulan Jun 1948, pengganas komunis telah melakukan pembunuhan liar, pembinasan terhadap harta awam dan persendirian. Orang-orang Melayu yang gagal diserapkan ke dalam pergerakan komunisme kerana pegangan kuat mereka terhadap Islam, turut menjadi mangsa. Berikutnya keganasan liar yang sistematis itu, kerajaan British telah mengisyiharkan darurat pada 16 Jun 1948 dan hanya berakhir pada akhir 1960. Bagi menghadapi ancaman komunis

ini, UMNO telah menggembangkan tenaga orang Melayu, lelaki dan perempuan, untuk menyertai pasukan bersenjata seperti Askar Melayu dan Polis Khas. Mereka telah dikeraikan untuk mengawal kampung daripada diserang oleh pengganas komunis. Sebilangan mereka terkorban. Untuk menghadapi darurat ini, UMNO berdiri teguh di belakang kerajaan British dan bersedia untuk menghadapi apa sahaja. Malah untuk meredakan darurat, Yang Dipertua UMNO, Tunku Abdul Rahman, tidak lama selepas menjadi Ketua Menteri setelah pilihanraya umum 1955, telah mengadakan rundingan dengan Parti Komunis Malaya di Baling pada 28 dan 29 Disember. Rundingan yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman itu berkesudahan dengan kegagalan. Permintaan PKM untuk diiktiraf sebagai sebuah parti politik yang bergerak secara sah, telah ditolak. Keengganan PKM membubarkan angkatan bersenjatanya tidak mem-

bantu perundingan. Setelah menyedari bahawa para pemimpin komunis sebenarnya tidak berhasrat untuk mencari keamanan, UMNO berjihad untuk memerangi mereka.

#### MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu mengadakan peruntukan berkenaan pilihanraya umum bagi membolehkan rakyat memilih wakil-wakil mereka ke Dewan Perundangan dan seterusnya memerintah sendiri sebagai negara merdeka. UMNO selpas ini mula mempersiapkan diri untuk mengambil alih perintahannya Tanah Melayu yang menjelang waktu ini sudahpun menerima orang bukan Melayu - Cina dan India - menjadi warganegara. UMNO, yang kini dipimpin oleh Yang Dipertua kedua, Tunku Abdul Rahman Putra, secara tidak formal memulakan kerjasama dengan parti-parti politik bukan Melayu khususnya MCA, kemudian MIC.

Langkah pertama kerjasama ini dimulakan oleh UMNO Selangor yang telah bekerjasama dengan MCA bagi merebut kerusi pilihanraya majlis tempatan Municipal Kuala Lumpur pada tahun 1951. Kerjasama itu telah membawa kejayaan cemerlang. Dengan sokongan yang diberikan kemudian oleh Kongres India Malaya (MIC) maka satu gabungan parti yang diberi nama Perikatan telah ditubuhkan bagi menghadapi pilihanraya umum yang pertama pada 27 Julai 1955. Pilihanraya itu berkesudahan dengan Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi bagi Majlis Perundangan Persekutuan. Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik menjadi Ketua Menteri dengan Jemaah Menterinya terdiri daripada wakil rakyat yang dipilih dan juga pegawai pentadbir British yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu.

Jelas bahawa sebagai sebuah parti politik yang memper-

tahankan ketuanan Melayu, UMNO telah mengambil sikap bijaksana dan pragmatik yang memberi tempat kepada orang bukan Melayu yang sudah diterima menjadi warganegara. Lalu, satu formula politik yang sebenarnya mengambil kira kepentingan jangka panjang negara telah dirangka dan diterima sehingga ke hari ini. Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO, MCA dan MIC secara rasmi telah diinstitusikan menjelang pilihanraya 1955. Secara kolektif, Parti Perikatan telah menghadapi Parti Negara, Parti Buruh Melaya, Persatuan Kebangsaan Perak, Liga Melayu Perak, Parti Progresif Perak, Parti Islam Se Malaya (PAS) dan 18 calon bebas lain dalam pilihanraya 1955 itu.

Sebagai parti yang menang besar dalam pilihanraya pertama pada 1955 itu, Parti Perikatan yang didokong oleh UMNO telah diberi mandat untuk membentuk kerajaan pertama Tanah

Melayu yang merdeka. Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik menjadi Perdana Menteri manakala Timbalan Yang Di Pertua UMNO, Tun Abdul Razak Hussein dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kabinet Tanah Melayu yang merdeka itu juga menyaksikan sebilangan tokoh UMNO yang lain dilantik menjadi Menteri, selain tokoh-tokoh MCA dan MIC.

Dengan kejayaan cemerlang yang dicapai oleh Parti Perikatan pimpinan UMNO dalam pilihanraya 1955, UMNO terus berazam untuk mendapatkan kemerdekaan penuh. Rundingan demi rundingan telah diadakan di London di antara wakil-wakil Perikatan yang diketuai oleh Yang Di Pertua UMNO, wakil Raja-raja Melayu dan wakil kerajaan British. Akhirnya persetujuan telah dicapai bagi kemerdekaan Tanah Melayu sebagai negara yang merdeka dan berdaulat pada 31 Ogos, 1957.



● BARISAN Ahli Majlis Tertinggi UMNO 1993/96.



● DATUK Seri Dr Mahathir selaku Pengurus Barisan Nasional tersenyum mengumumkan maklumat Bas Ong pada Pilihanraya Umum 1995.

Baran Tanah Melayu yang dimerdekaan oleh UMNO sudah tidak lagi merupakan negara Melayu seratus peratus. Tetapi dalam merangka Perlembagaan Persekutuan, UMNO telah memastikan bahawa ketuanan Melayu di negaranya sendiri tidak tercabar. Kedudukan Raja-raja dipertahankan; bangsa Melayu diberikan hak istimewa untuk menyertai perkhidmatan awam; Islam dijadikan agama Persekutuan; Bahasa Malaysia dijadikan bahasa rasmi negara.

Setelah berjaya membebaskan Tanah Melayu dari cengkaman penjajahan, dan menegakkan kerajaan, UMNO tidak berlengah-lengah lagi untuk mengisi kemerdekaan bagi memastikan bangsa yang ingin diperjuangkanannya tidak menjadi ayam kelaparan dikepuk sendiri atau menjadi itik mati kehausan di kolamnya. Usaha membangunkan negara dalam semua bidang dimulakan dengan wujudnya Rancangan Pembangunan

Jangka Panjang dan Rancangan Pembangunan bagi tiap-tiap lima tahun bermula dengan Rancangan Malaya Pertama (1956-60) hingga ke Rancangan Malaysia Ke 7 bagi 1996-2000 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad iaitu Presiden UMNO kelima pada 6 Mei 1995. Setiap rancangan lima tahun itu, mempunyai matlamat dan fokus tertentu. Di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir negara sedang dipersiapkan untuk menjadi sebuah negara maju. Perjalanan ke arah itu sudah lima tahun berlaku. Kita ada lagi 25 tahun untuk sampai ke destinasi yang diidam-idamkan itu. Melihat perkembangan yang ada, UMNO berada pada landasan yang betul dalam perjalanan untuk menjadi sebuah negara maju itu. Tugas ini masih belum selesai.

#### PENUBUHAN MALAYSIA DAN KONFRONTASI

Scara rasmi, Malaysia, sebuah Persekutuan lebih besar yang

menyatukan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara (kemudian dikenali sebagai Sabah) telah diinstitusikan pada 16 September 1963. UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan yang instrumental terhadap penubuhan Malaysia ini. Brunei pada mulanya turut diundang menyertai Malaysia, tetapi menarik diri kemudiannya. Singapura pula disingkirkan daripada Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Idea penubuhan Malaysia pertama sekali dilontarkan oleh Tunku Abdul Rahman dalam satu ucapan di Kelab Akhbar Singapura pada Mei 1961, diikuti dengan lawatan ke Brunei dan Sarawak untuk menjelaskan maksud konsep Malaysia itu. Brunei, Sabah dan Sarawak pada mulanya menentang. Sabah dan Sarawak bagaimanapun akhirnya turut serta.

Pembentukan Malaysia tidak diterima dengan baik oleh dua

buah negara jiran dalam Asia Tenggara. Filipina yang menuntut Sabah sebagai sebahagian daripada wilayahnya, menyatakan tentang, diikuti dengan ketegangan dalam hubungan Kuala Lumpur-Manila. Indonesia, di bawah pimpinan Sukarno, menganggap penubuhan Malaysia sebagai satu projek kolonialis. Beliau melancarkan konfrontasi terhadap negara ini. Melalui projek ganyang Malaysia, Sukarno menyatakan keazaman untuk menggagalkan Persekutuan Malaysia. Askar-askarnya dikirimkan ke Malaysia untuk tujuan itu.

Malaysia bergelora seketika menghadapi konfrontasi itu. Kerahan tenaga dilancarkan untuk mempertahankan negara. Seperti sewaktu menghadapi darurat, UMNO memainkan peranan penting dalam meniupkan semangat mempertahankan tanahair daripada serangan luar. Syukurlah bahawa konfrontasi tidak berpanjangan. Apabila Sukarno digulingkan, dan Suharto menjadi Presiden, hubungan Kuala Lumpur-Jakarta, dipulihkan semula. Malaysia kembali aman. UMNO meneruskan tugas dan tanggungjawab mengisi kemerdekaan.

## PERISTIWA BERDARAH 13 MEI 1969

Malaysia ialah sebuah negara majmuk. Penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum, kepercayaan dan kebudayaan. Sewaktu merdeka, kaum-kaum utama maklum akan persetujuan yang telah dicapai di kalangan elit-elit politik seperti yang terjelma dalam Perlembagaan. Apa yang telah dipersetujui, tidak akan dipertikaikan. Ia akan dihormati sekiranya perhubungan kaum ingin berkekalan. Pada pemilihan para pemimpin UMNO wakttu itu, apa yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan faktor-faktor yang mengekalkan kesejahteraan kaum di negara ini. Ia menjadi asas pembinaan sebuah negara di mana ketuanan Melayu diakui dan kaum-kaum pendatang lain yang membuat keputusan untuk tinggal di negara ini bernaung. Jika semua itu dipatuhi, Tanah Melayu akan kekal aman damai hingga bila-bila.

Terbukti itu bukanlah pandangan yang tepat. Pada pertengahan tahun 1960-an terdapat gerakan di kalangan bukan Melayu mempersoalkan perkara-perkara asas yang telah dipersejui sewaktu merdeka. Misalnya selepas 1964, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dipertikaikan. Menjelang pilihanraya 1969, lebih banyak perkara-perkara yang dianggap sensitif telah disuarakan. Di kalangan orang Melayu, muncul gerakan yang tidak berpuas hati dengan rekod kerajaan dalam meningkatkan penyertaan mereka dalam bidang ekonomi. API perkauman menjadi mainan. DAP, yang melanjutkan perjuangan PAP selepas penyingkiran Singapura, melaungkan gagasan Malaysian Malaysia yang meno-



● SUPERTU biasa Bendera UMNO akan dikibarkan sebelum Pertemuanan Agung parti dilangsungkan.



TANGAN dijulang bersama sebagai ucapan kemenangan mesim memandu bukan memimpin parti. Dari kiri: Tan Sri Muhamad Haji Salleh, Dato' Zaini Suliyatin, Yassin, Dr. Mohd. Asri Asuar, Dato' Ahmad Faizal, Seri Dr Mahathir Mohamad, Dato' Seri Khalid bin Rizak dan Datuk Ahmad Faizal.

lak sama sekali hak-hak istimewa yang diberikan kepada orang Melayu. Parti-parti pembangkang yang lain turut membangkitkan soal-soal yang dianggap sudah selesai. PPP umpannya berkempen bagi kegunaan bahasa Cina, Tamil dan Inggeris secara lebih meluas. Gerakan yang cuba mengambil jalan tengah, juga terbawa-bawa dengan angin kempen yang berkorak perkauman. Sekalipun ditegaskan parti itu mengatakan ia tidak menentang hak istimewa orang Melayu, tetapi parti itu mendakwa hak-hak itu telah dieksplor oleh para pemimpin Melayu.

Orang Melayu, melalui UMNO, tidak sahaja melihat apa yang berlaku. Mereka melawan balik. UMNO menegaskan bahawa parti itu dan rakan-rakannya dalam parti Perikatan tidak akan berganjak daripada Perlembagaan mereka. Di kalangan orang Melayu di dalam UMNO ada juga yang tidak berpuas hati de-

ngan para pemimpin yang diadakwa mengabaikan kepentingan Melayu. Jelas dalam pilihanraya 1969 itu, suhu perkauman telah ditipi dengan cara yang keterlaluan.

Dalam pilihanraya itu, UMNO juga mendapat ia kehilangan pengaruh. Sokongan yang diadakwa kepada mereka merosot. Disesetengah tempat parti-parti pembangkang menang besar. Perikatan berkuasa semula di peringkat Persekutuan, tetapi dengan majoriti yang berku-rangan. Pulau Pinang jatuh ke tangan pembangkang Gerakan. DAP yang pertama kali bertanding mencapai kemenangan besar, menewaskan MCA. Parti-parti pembangkang yang menang itu lupa diri. Mereka mengajurkan perarakan besar-besaran merayakan kejayaan mereka. Sambil itu mereka mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Melayu. Ungkapan-ungkapan seperti "Melayu balik kampung", "Melayu sekarang tidak ada kuasa

lagi," "Ini Negeri Bukan Melayu Punya Lagi," "Kita Mahu Halau Melayu," "Mati Melayu," "Melayu Sakai Pergi Masuk Hutan" dan lain-lain sewenang-wenangnya dimuntahkan oleh para penyokong pembangkang.

Orang-orang Melayu di Kuala Lumpur bertindak balas. Mereka turut mengadakan perarakan sambil mengingatkan bukan Melayu bahawa UMNO sebenarnya tidak kalah; bahawa orang Melayu masih menyokong parti itu.

Satu perarakan besar-besaran diadakan di Kelab Sultan Sulaiman bermula dari perkarangan Menteri Besar Selangor pada 13 Mei 1969.

Ketegangan kaum yang muncak, akhirnya meletus menjadi peristiwa berdarah. Parlimen digantung. Demokrasi diisyiharkan mati. Untuk mengawal keadaan pemerintahan darurat diisyiharkan pada 15 Mei.

## FORMULA BARU KERJASAMA: DASAR EKONOMI BARU DAN BARISAN NASIONAL

Tragedi berdarah 13 Mei 1969 rupanya mempunyai rahmat yang tersembunyi. Para pemimpin UMNO membuktikan kecekapannya menguruskan negara dan persoalan kaum. Mereka tidak hilang pedoman. Tragedi itu telah digunakan untuk mencari formula baru kerjasama lebih bermakna di kalangan Melayu-bukan Melayu, di samping mencari jalan memperbaiki kedudukan daif Melayu dalam bidang ekonomi. Ketuanan Melayu yang mula dicabar oleh UMNO telah diperkuahkan. Sebaik sahaja Parlimen dipulihkan pada Februari 1971, pindan dibuat terhadap perlembagaan negara bagi menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa juga mempersoal hak istimewa orang Melayu, kedudukan bahasa Melayu, Raja-raja Melayu atau membangkitkan semula soal ke-

rakyatan yang diberikan kepada bukan Melayu seperti yang disersetujui sewaktu merdeka.

Lantaran itu, pimpinan UMNO di bawah Presiden ketiganya, Tun Abdul Razak memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru pada 1970 untuk dilaksanakan selama 20 tahun. Dasar itu beramatlamatkan serampang dua mata; untuk menyusun semula masyarakat dan kedua untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum. Di bawah matlamat penyusunan semula masyarakat rancangan-rancangan khusus dibuat untuk membantu Bumiputera menyertai bidang ekonomi yang ketika itu sama ada dikuasai oleh bukan Melayu atau pemodal asing. Sasarannya ialah menjelang tahun 1990, penglibatan orang Melayu dalam semua kegiatan ekonomi hendaklah ditingkatkan dari 2 peratus pada 1971 kepada sekurang-kurangnya 30 peratus pada 1990.

Dalam usaha meningkatkan penyertaan Melayu dalam bidang ekonomi ini, pimpinan UMNO sekali lagi memperlihatkan kebijaksanaan dan keadilan. Tun Razak yang sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri terkenal dengan buku merah pembangunan luar bandarnya berkata, pengagihan kekayaan ekonomi yang pro Melayu itu adalah berdasarkan kepada ekonomi yang berkembang.

Sebagai pemangkin kepada penglibatan Melayu itu, kerajaan telah menubuhkan badan-badan tertentu. Maka lahirlah Pernas, Perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri, Perbadanan Pembangunan Bandar, Pertubuhan Peladang, Risda, Mardi, Majuternak, Majulkhan dan lain-lain. Agensi-agensi yang sedia ada seperti Mara, Felda, Felcra, Bank Pertanian, Bank Bumiputera pula digalakkan supaya lebih aktif untuk membantu Bumiputera dalam bidang-bidang yang dikhushuskan untuk mereka.



● SUASANA Pilihanraya Umum 1995 yang memberi kemenangan besar kepada Barisan Nasional terutama UMNO.

Di bawah pimpinan Presiden UMNO keempat pula, Tun Hussein Onn diperkenalkan pula Amanah Saham Nasional dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan massa Melayu dalam bidang korporat dan saham yang menjanjikan pulangan kewangan yang lumayan. Dengan adanya sekim ASN, dana individu Melayu yang secara sendirian kecil, telah dihimpunkan di bawah satu organisasi yang dikenali sebagai Permodalan Nasional Berhad. Dana yang terkumpul itu - yang jumlahnya ratusan juta ringgit - kemudian dilaburkan dalam syarikat-syarikat terpilih yang menjamin keuntungan yang lumayan. Dengan itu, rakyat biasa dapat sama-sama menikmati keuntungan syarikat-syarikat besar negara. Di bawah naungan PNB, kini terdapat 4.4 juta pelabur Melayu dengan jumlah tabungan melebihi RM40 bilion - satu pencapaian yang cukup membanggakan.

Di bawah DEB juga peluang untuk pelajar-pelajar Melayu mendapat pendidikan tinggi ditingkatkan. Pelbagai agensi kerajaan telah menaja mereka melanjutkan pelajaran, bukan saja di dalam negara, tetapi ke luar negara. Bilangan pusat-pusat pengajian tinggi - sektor awam dan swasta - ditambah bagi menuhi keperluan tenaga manusia terlatih dalam pelbagai bidang.

Dari segi politik, matlamat UMNO adalah jelas iaitu untuk mewujudkan kestabilan politik dan mengurangkan politik yang jelas tidak memberi faedah dari segi pembangunan negara. Lantaran itu, formula Parti Perikatan sejak merdeka telah diperluaskan menjadi kerjasama politik yang lebih besar. Kerjasama politik Melayu-bukan



● UCAPAN dasar... Datuk Seri Dr Mahathir begitu bersungguh-sungguh menyampaikan ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO.

Melayu ini bermula dengan penubuhan kerajaan-kerajaan campuran di Peringkat Persekutuan dan Negeri. Kerjasama yang melibatkan pelbagai parti itu kemudian secara rasmi diinstitusikan menjadi Barisan Nasional menjelang pilihanraya 1974. Secara rasmi BN memperoleh sijil pendaftaran pada 1 Jun 1974. Selain UMNO, MCA dan MIC, Barisan Nasional itu turut dianggotai oleh enam buah parti lain yang sebelum ini menjadi pembangkang. Parti-parti itu ialah: PAS, PPP, Gerakan, SUPP, Parti Pesaka Bumiputra Sarawak dan Perikatan Sabah. Hanya parti pembangkang DAP, PSRM yang turut diundang, enggan

menyertai Barisan Nasional.

Kerangka kerjasama BN ini bertahan sampai sekarang dengan keanggotaan yang bertambah dari masa ke masa. Malah kejayaan formula yang dipelopori oleh UMNO cuma ditiru oleh parti-parti pembangkang yang cuba mengadakan pakatan mereka sendiri dalam menghadapi pilihanraya.

#### KEJAYAAN DALAM PILIHANRAYA

Sebagai sebuah parti, kita patut bersyukur kerana UMNO, melalui Perikatan, kemudian Barisan Nasional yang ditunjanginya, telah diberi keperca-



PARA pemimpin kaum wanita UMNO ketika itu menikmati kelucuan jenaka Datuk Seri Dr Mahathir. Dari kiri, Datuk Napsiah Omar, Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan Datin Paduka Zaleha Ismail.

yaan oleh rakyat untuk terus menerus memerintah negara sejak merdeka lagi. Dalam sembilan pilihanraya yang diadakan selepas merdeka pada 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990 dan yang terbaru pada 1995, UMNO dan rakan kongssinya telah menang dengan cemerlang.

Kepercayaan ini diberi kepada rekod dan prestasi kerajaan pimpinan UMNO itu sendiri yang tidak pernah menyelenggara daripada melaksanakan program-program pembangunan yang menguntungkan rakyat pada umumnya. Memanglah, pendekatan dan orientasi pembangunan itu sendiri senantiasa berubah-ubah untuk mengambil kira pergolakan dan perkembangan semasa dan mengambil kira pegangan UMNO yang pragmatis itu sendiri.

Misalnya, pembangunan luar bandar, di mana tinggalnya orang-orang Melayu, senantiasa diberi tumpuan. Untuk membantu Melayu meningkatkan ke-

giatannya dalam pelbagai kegiatan ekonomi, Dasar Ekonomi Baru telah diperkenalkan pada 1970 dan berakhir pada 1990. Sekalipun matlamat 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam pelbagai kegiatan ekonomi tidak dicapai sepenuhnya dalam tempoh 20 tahun itu, kejayaannya meningkatkan pemilikan Melayu dalam ekonomi negara tidak boleh dinafikan. Sewaktu DEB diperkenalkan, orang Melayu memegang 2-4 peratus kekayaan negara; kini jumlahnya sekitar 20 peratus. Bilangan usahawan Melayu juga sudah bertambah dengan banyaknya. Orang-orang Melayu yang bergelar jutawan, yang pada satu ketika boleh dibilang dengan jari, kini bertambah. Golongan korporat Melayu yang menerajui syarikat-syarikat yang disenaraikan di Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur juga meningkat. Program khas mengirim anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara dan Institut Pengajian Tinggi tempatan, telah memper-

banyakkan bilangan profesional Melayu dalam pelbagai bidang.

#### SEJARAH HITAM: UMNO DIHARAMKAN

Menyedari bahawa sebagai sebuah parti politik UMNO tidak terlepas daripada mengalami pergolakan dalam yang boleh mengancam kewujudannya, para pemimpin ulung UMNO tidak pernah jemu-jemu mengingatkan ahli-ahlinya supaya senantiasa mengekalkan perpaduan dan disiplin yang tinggi. Ingatan ini diberikan sejak penubuhan UMNO lagi. Yang Di Pertua UMNO yang pertama, Datuk Onn Jaafar misalnya pernah berpesan sewaktu parti itu mulia-mula di-institusikan pada 1946 bahawa "Melayu hanya boleh selamat apabila kuat dan kuat apabila bersatu padu." Salah seorang Timbalan Presiden UMNO, Tun Dr Ismail Abdul Rahman menyedari bahawa UMNO tidak boleh ditewaskan daripada luar mengingatkan bahawa "UMNO boleh hancur oleh pergolakan dalamnya sendiri." Presiden

sekarang, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyedari bahawa di dalam UMNO ada tempat untuk semua, berkata selepas pemilihan 1984 yang sekali lagi menyaksikan kekalahan Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Timbalan Presiden "yang menang tidak akan mendapat semua dan yang kalah tiada kalah semua."

Tetapi ingatan-ingatan bahawa UMNO boleh hancur dari dalam ini seolah-olah dipersekutkan oleh segenlir pemimpinnya sendiri. Kerana terlalu taksuh dengan perebutan kuasa dan selepas kalah enggan menerima keputusan majoriti dalam pemilihan pucuk pimpinan 1987. UMNO telah mengalami satu sejarah paling hitam sejak kewujudannya. Dalam pemilihan itu, Tengku Razaleigh Hamzah telah bergabung dengan Datuk (sekarang Tan Sri) Musa Hitam serta para penyokong mereka untuk menentang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Encik

Ghafar Baba. Dalam perlawanan itu, mereka tewas dengan majoriti yang tipis. Tidak puas hati dengan keputusan itu, 11 orang ahli UMNO yang terdiri daripada para penyokong Tengku Razaleigh telah membawa UMNO ke mahkamah. Mereka meminta mahkamah mengisyiharkan keputusan yang memberi kepentingan kepada Dr. Mahathir sebagai tidak sah dan batal. Mereka mendakwa bahawa kerana ada antara perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung 1987 itu mewakili cawangan yang tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, dan keadaan itu bertentangan dengan Akta Pertubuhan, maka keputusan pemilihan 1987 itu tidak boleh dipakai. Kumpulan 11 itu meminta mahkamah memerintahkan UMNO mengadakan pemilihan semula pucuk pimpinan. Walaupun ada usaha untuk memujuk mereka supaya menyelesaikan masalah parti melalui sururan UMNO, mereka berkeras

tidak mahu.

Akhirnya apabila kes mereka di dengar di hadapan Hakim Datuk (kini Tan Sri) Harun Hashim pada awal Februari, mahkamah memutuskan bukan sahaja untuk menolak permintaan Kumpulan 11 itu, tetapi mengharamkan UMNO sekali. Dalam penghakiman itu, Harun Hashim berkata, beliau tidak dapat meluluskan permohonan Kumpulan 11 itu untuk membetulkan keadaan kerana pada waktu yang berkenaan UMNO merupakan sebuah partubuhan yang tidak sah di bawah Akta Pertubuhan. Menurut Hakim itu, Akta Pertubuhan 1960 menganggap sesbuah pertubuhan sebagai tidak sah jika cawangan-cawangan nya ditubuhkan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Pendaftar Pertubuhan. "Dengan amat kesal, saya terpaksa membuat keputusan dari segi undang-undang bahawa pada waktu itu UMNO adalah sebuah pertubuhan tidak sah



● DATUK Seri Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama pemimpin Kelab UMNO di luar negeri.

dan apa yang berlaku dalam tahun 1987 itu adalah tidak sah. Oleh itu permohonan oleh 11 anggota UMNO untuk membentulkan keadaan itu tidak boleh diluluskan.

Keputusan yang dibuat Harun Hashim pada pukul 6.20 petang, 4 Februari, 1988 itu, sekali gus telah meragut nyawa UMNO. Bangsa Melayu kehilangan satu alat politik yang telah berbakti selama ini. Kedudukan UMNO dalam Barisan Nasional secara automatik terlucut. Pucuk pimpinan parti, Dr Mahathir akur dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu. Beliau memutuskan untuk tidak membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Sebaliknya beliau meng-


hidupkan semula UMNO, sekalipun terpaksa menggunakan nama UMNO (Baru) atas sebab-sebab teknikal. Beliau mengambil masa seminggu untuk menyambung nyawa kerana mahu mempastikan bahawa segala proses menghidupkan UMNO hendak dilakukan mengikut peraturan dan undang-undang.

Tetapi proses itu tidaklah mengambil masa yang terlalu lama. UMNO yang dihidupkan semula itu telah didaftarkan pada 13 Februari, 1988 dan diumumkan kepada ramai pada 16 Februari, iaitu hari UMNO secara rasmi diterima untuk menganggotai semula Barisan Nasional. Dengan itu, kuasa orang

Melayu yang hilang seketika, dapat dipertahankan. Proses memperkuatkan UMNO dimulakan serta merta. Orang-orang Melayu tetap memberi sokongan. Sewaktu UMNO diharamkan pada Februari, 1988 keahliannya dianggarkan berjumlah antara 1.2 hingga 1.3 orang. Pada akhir 1989, keahlian UMNO meningkat kepada 1.9 juta dan kini berada pada paras 2.5 juta. Jelas sekalipun Team B pimpinan Tengku Razaleigh yang kalah dalam pemilihan, meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Parti Semangat 46, sebahagian besar orang Melayu tetap bersama UMNO. Semoga sejarah hitam yang telah dilalui oleh UMNO itu menjadi pengajaran kepada semua ahli UMNO. Pastikan bahawa tragedi itu tidak berulang lagi.

#### WAWASAN 2020

Wawasan 2020 ialah agenda nasional pembangunan masa depan negara yang dikemukakan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri pada 28 Februari, 1991. Ia merupakan satu kertas kerja yang dibentangkan pada sidang pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur yang beliau sendiri pengeruskan. Kertas itu berjulid Malaysia: Melangkah Ke Hadapan. Oleh kerana kertas kerja itu menggariskan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020, maka pemikiran Dr. Mahathir itu kemudian dikenali sebagai Wawasan 2020. Sekalipun pandangan yang dikemukakan itu tidak secara rasmi menjadi dasar kerajaan, tetapi seluruh fokus pembangunan negara selepas kertas kerja itu dibentangkan ditumpukan kepada usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam masa 30



● DR Siti Hasmah Mohd Ali bersama Toh Puan Hajah Bahah dan sebahagian daripada peserta dalam acara perasmian Perhimpunan Kerja Wanita PKW.



● PAMA pemimpin parti kebangsaan bersama-sama dengan ahli parlimen dan ahli kerajaan bersama-sama melancarkan Rancangan Negara Nasional (RNN) bagi Pilihanraya Perum 1995.

tahun bermula pada 1991. Pimpinan UMNO sekali lagi membuktikan bahawa ia bukan sekadar memikirkan pembangunan negara untuk jangka waktu pendek lima tahun mendatang, tetapi untuk tempoh jangka panjang iaitu selama satu generasi. Jelas kepada kita semua bahawa Wawasan 2020 yang bersikap futuristik itu merupakan petanda jelas bahawa pimpinan UMNO benar-benar serius untuk meneruskan tugas mengisi kemerdekaan yang masih belum selesai itu.

Tetapi sebuah negara maju yang diidam-idamkan oleh pucuk pimpinan UMNO itu bukanlah negara maju seperti yang terdapat di Barat sekarang, dimana setiap negara menjadi maju dengan mengorbankan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Negara maju yang mahu diwujudkan oleh Dr. Mahathir adalah sebuah negara maju yang dibentuk berdasarkan acuan kita sendiri. Dengan jelas digambarkan bahawa Malaysia

sebagai sebuah negara maju mempunyai sembilan ciri yang istimewa. Malaysia yang maju itu ialah Malaysia sebuah negara yang bersatu padu, sejahtera, terintergrasi wilayah-wilayah dan kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berdasarkan persamaan hak dan keadilan, dengan sebuah negara Malaysia yang rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut. Malaysia yang maju itu juga mempunyai sebuah masyarakat yang bebas, teguh dan telah terbentuk jiwanya; yakin akan dirinya, cukup tangkas menghadapi segala macam rintangan. Masyarakat Malaysia itu mestilah mempunyai sifat-sifat mengejar kecemerlangan, benar-benar menyedari segala kemungkinan dirinya, tidak terkongkong jiwanya dan dihormati pula oleh semua bangsa lain.

Ciri-ciri lain masyarakat Malaysia yang maju itu termasuklah: sebuah masyarakat demokratis

yang matang yang mengamalkan satu bentuk demokrasi Malaysia yang unggul, berasaskan muafakat dan musyawarah; sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerja yang luruh; sebuah masyarakat matang yang bersifat liberal lagi toleran; sebuah masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh ke hari muka iaitu sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi kini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan. Malaysia yang maju itu dirancangkan memiliki masyarakat yang berbudi, berbudi penyangang, sebuah sistem sosial yang lebih meningkatkan masyarakat daripada diri sendiri dengan sistem kebijakan rakyat diasaskan pada sistem keluargaan yang kukuh

# NOST



● SEJARAH yang menjadi kenangan abadi bangsa Melayu. Peristiwa ini dirakamkan pada hari perpaduan bangsa Melayu

# ALGIA



ng seahirkan UMNO. Dalam perhimpunan inilah - 1 hingga 4 Mac 1946 slogan "Hidup Melayu" buat pertama kalinya dilaungkan.

lagi mantap. Untuk memastikan bahawa jurangan antara kaya dan miskin tidak terus melebar, negara maju Malaysia itu menjamin sebuah masyarakat yang adil ekonominya. Kekayaan negara akan dibagi-bagi secara adil saksama dengan kemajuan ekonominya dinikmati bersama oleh setiap rakyat. Masyarakat yang demikian tidak akan terbentuk selagi terdapat penentuan fungsi ekonomi berdasarkan kaum dan pemusatan kemunduran ekonomi kepada kelompok-kelompok kaum yang tertentu. Dasar Pembangunan Nasional, dasar pembangunan jangka panjang yang diperkenalkan untuk menggantikan DPN bertujuan untuk menangani soal agihan ekonomi itu.

#### DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) diumumkan di Dewan Rakyat pada pertengahan 1991.

Pada asasnya, matlamat DPN tidak berbeza dengan matlamat DEB iaitu untuk menghapuskan kemiskinan dan meneruskan kerja-kerja menyusun semula masyarakat. Ini kerana sekalipun banyak kejayaan dicapai dalam kerja-kerja pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di bawah DEB, kerajaan yang didukung oleh UMNO merasakan usaha yang dibuat selama 20 tahun antara 1970-1990 perlu diteruskan. Lantaran itu, beberapa dimensi baru diperkenalkan di bawah DPN dalam usaha pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Antaranya ialah: Memberi penekanan yang lebih kepada strategi pembasmian kemiskinan di kalangan golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif; menumpukan perhatian kepada pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian (MPPB) sebagai satu

strategi penting ke arah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan penyertaan Bumi-putera dalam kegiatan ekonomi; meningkatkan penekanan kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat dan memberikan lebih tumpuan kepada pembangunan sumber manusia termasuk sistem nilai dan etika bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama. Ini bermakna di bawah DPN peranan kerajaan dalam pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan dikurangkan. Penglibatan meluas kerajaan ini tidak perlu memandangkan kejayaan-kejayaan besar di bawah DEB dalam dua bidang itu.

Bagaimanapun jika pelaksanaan DEB ditetapkan selama 20 tahun, DPN tidak mempunyai sebarang jangka waktu. Juga tidak ada kuota ditetapkan untuk



● PUS Abdul Ghafar bin Baba semasa menjadi Timbalan Presiden UMNO bergambar bersama dengan para pemimpin Angkatan Tentera Pembaharuan Indonesia (AMPI) yang diundang ke upacara Perhimpunan Agung UMNO tidak lama dahulu.

pencapaian Bumiputera dalam sektor ekonomi. Tetapi ini tidak bermakna, kepentingan Melayu dan Bumiputera yang lain diaibaikan dalam DPN. Sebaliknya di bawah DPN, seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir, kerajaan akan terus memberi peluang dan mengagihkan sebahagian daripada punca kekayaan negara kepada bumiputera. "Tetapi kerajaan tidak boleh mementukan bahawa bahagian yang diperuntukan kepada Bumiputera akan kekal dan bertambah. Bumiputera sendirilah yang harus berusaha dan bertanggungjawab untuk memelihara dan melipatgandakan harta kekayaan mereka," tegas Dr. Mahathir. Beliau juga menyatakan bahawa di bawah DPN peluang akan hanya diberi kepada mereka yang cekap dan beramanah yang telah melalui latihan, mempunyai bakat, sanggup bekerja keras, tidak tahu penat lelah dan tidak berharap untuk mencapai kekayaan dengan segera. Jelas bahawa yang ditekankan oleh DPN dalam membangun usahawan dan korporat Melayu adalah kualiti bukan kuantiti. Jika setelah diberikan peluang, ia tidak digunakan dengan baik, atau janji tidak ditunaikan atau terbukti tidak ada kecekapan dan ketekunan, maka peluang tidak akan diberi lagi sehingga galah syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Di bawah DPN juga, peneranan lebih diberikan kepada melahirkan masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Sejarah dengan itu, Kementerian Perusahaan Awam telah ditukar menjadi Kementerian Pembangunan Usahawan. Bumiputera tidak dihalang untuk mengadakan perkongsian dengan bukan Bu-

miputera dalam bidang perdagangan dan pembiagaan. Tetapi konsep perkongsian itu tidak lagi boleh diasaskan kepada konsep Ali Baba seperti yang difahami sebelum ini. Si Melayu hendaklah mengambil bahagian yang cergas dalam segala urusan dan kerja. Bumiputera hendaklah tekun mempelajari daripada rakan bukan Bumiputera tentang semua aspek perniagaan. DPN juga akan memberi penekanan kepada penyertaan Bumiputera secara yang bermakna iaitu kecekapan Bumiputera dalam bidang pengurusan ekonomi sehingga mampu mengekalkan


dan melipatgandakan kekayaan mereka tanpa bergantung kepada kuasa politik Bumiputera dan Melayu.

#### SELEPAS 50 TAHUN: KE MANA UMNO

Setelah 50 tahun kewujudannya, jasa UMNO kepada bangsa, negara dan agama, memang tidak dapat dinafikan oleh sesiapapun. Dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu, UMNO dan Melayu sudah sinonim. Sokongan orang Melayu terhadap UMNO tidak pernah pudar. Itu sebabnya dalam setiap pilihanraya - kecuali di Kelantan dalam dua pilihanraya umum



● ENTAH apa jenaka Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, Pengurus Tetap UMNO hingga Datuk Seri Dr Mahathir terpegun mendengarnya.



GATTI B. Seri Auwar bersama pihak-pihak lainnya pada dan Warka UMNO berlangsung pada sidang persidangan salinan pergerakan

1990 dan 1995 - calon-calon UMNO senantiasa diberi kepercayaan untuk mewakili rakyat di Parlimen dan juga Dewan-dewan Undangan Negeri. Pencapaian ini adalah satu rekod yang tiada tolok bandingnya.

Tidak ada sebuah partipun di negara membangun, yang dibentuk untuk menghalau penjajah, telah berjaya mengekalkan kuasa untuk jangka waktu yang begitu lama. Malah jika dibandingkan dengan negara maju sekalipun, rekod UMNO berkuasa itu tidak dapat ditewaskan. Pada satu waktu, parti Liberal Demokratik di Jepun boleh dikatakan sekedudukan dengan UMNO. Tetapi LDP yang merintah negara matahari terbit sejak Perang Dunia Kedua berakhir, terpaksa melepaskan tumpuk pemerintahan akibat krisis dalam yang serius. Parti Kongres India dan Parti Kristian Demokrat di Itali juga mengalami nasib yang sama seperti

LDP. Pergolakan dalaman dan kegagalan pucuk pimpinan mengekalkan kerelevan parti-parti itu menyebabkan mereka gagal mendapat kepercayaan rakyat. Tetapi tidak begitu dengan UMNO. Sekalipun terdapat masalah dan kekecewaan disana sini (seperti yang terjadi di Kelantan dalam dua pilhanraya umum), pada keseluruhanya, UMNO tetap didikong oleh orang-orang Melayu dan di sokong oleh bukan Melayu seperti yang terbukti dalam pemilihan 1995.

Memanglah setelah wujud selama 50 tahun, memegang kuasa tanpa henti selama hampir 40 tahun, maka tandatanya ditimbulkan tentang masa depan UMNO. Bagi seorang wanita, usia 50 tahun dikaikan dengan era menopos atau zaman kemalapan atau kematian. Apakah UMNO akan mengalami keadaan itu? Jawapannya tentulah tidak. Sebagai sebuah parti politik

Melayu, keunggulannya masih belum dapat disaingi oleh mana-mana parti Melayu lain yang memang berusaha untuk menjadi alternatif kepada UMNO. Rahsia kejayaan UMNO boleh dikaitkan dengan beberapa faktor. Antaranya: Perpaduan dalaman yang kuat; perjuangannya yang pragmatik; pimpinannya yang senantiasa memahami kehendak majoriti rakyat; program-program pembangunan yang memberi kepuasan kepada semua; dasar-dasarnya yang mewakili aspirasi nasional; disiplin anggota-anggotanya yang tinggi dan banyak lagi.

Keupayaan UMNO meremajakan dirinya - baik dari segi keahlian dan kepimpinan - juga merupakan satu faktor penting yang telah menyambung nyawa UMNO sehingga hari ini. Peremajaan dan peralihan pimpinan di pelbagai peringkat - cawangan, bahagian dan nasional -

berjalan secara berperingkat-peringkat yang semakin laju sejak beberapa tahun kebelakangan ini, termasuk di peringkat tertinggi dalam Majlis Tertinggi. Pemilihan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Mohd. Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib sebagai Naib Presiden parti dalam pemilihan 1993 adalah testimoni jelas peremajaan UMNO. Pemilihan mereka telah menyuntik sifat dinamisme baru yang telah memperkuatkukan lagi kedudukan pemimpin agung kita, iaitu Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.


Tidak ada apa yang hendak dikhuatirkan dengan proses peremajaan pimpinan UMNO ini. Ia adalah proses biasa yang berlaku dalam mana-mana parti politik sekiranya ia hendak bertahan lama. UMNO, sebagai sebuah organisasi, mesti sanggup menerima perubahan terutama dari segi peremajaan ini. Asal-

kan proses yang berlaku itu tidak lari dari arus perjuangan dan kesinambungan, selagi itulah UMNO akan diterima rakyat. Yang penting bagi UMNO, sewaktu berusia 50 tahun ini, adalah untuk memastikan bahawa matlamat yang hendak dituju untuk mengangkat martabat dan darjah bangsa ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang dicapai.


Dalam konteks untuk meremajakan UMNO ini jugalah Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad telah mengemukakan gagasan Melayu Baru dalam ucapan rasminya di Perhimpunan Agung UMNO 1991. Menurut beliau, bangsa Melayu akan dapat merebut tempatnya yang sah bukan sebagai peserta; mereka hendaklah ditransformasikan menjadi bangsa Melayu baru iaitu bangsa yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi cabaran, yang dapat bersaing tanpa bantuan, yang

terpelajar; berilmu; canggih; juju; berdisiplin; amanah dan cekap.

Selagi UMNO tidak menyeleweng, selagi UMNO tidak tercabut akar umbi daripada perjuangan untuk membela agama, bangsa dan negara, selagi itulah UMNO tetap menjadi tempat berhimpunnya orang-orang Melayu dan kekal menjadi alat memperjuangkan dan melindungi kepentingan bangsa Melayu. Sudah tentu perjuangan UMNO itu akan melindungi kepentingan bangsa Melayu. Sudah tentu perjuangan UMNO itu akan mengambil kira situasi semasa - dalaman dan luaran. Ini bermakna, UMNO tidak boleh membiarkan unsur dan anasir negatif mencengkam parti itu. Misalnya, keghairahan untuk menjatuhkan pemimpin tidak patut ada. Penggunaan politik wang untuk merebut jawatan mesti diperangi habis-habisan. Penyalahgunaan kuasa di dalam parti dan kerajaan, tidak boleh



SEMUA berdiri menyanyikan lagu UMNO. Peristiwa begini dilakukan setiap tahun. *Cedera Perhimpunan Agung UMNO dimulakan.*



• DATUK Seri Dr Mahathir inspiρ oleh Datin Paduka Rafidah Aziz dan Datuk Nazri Abdul Aziz memeriksa perbarisan Pergembiraan Gadis dan Pemuda UMNO sebelum merasmikan Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

dibarkan begitu sahaja. Segelintir ahli UMNO yang bermata duitan, mesti dididi semula mengenai perjuangan parti yang tidak menekankan kepada keberdaan. Idealisme UMNO yang sudah lunur, hendaklah diglap semula. Ahli-ahli dan pemimpin UMNO sebenarnya tidak ada pilihan kecuali kembali kepada nilai-nilai murni dan mulia UMNO yang menjadi amalan sejak zaman berzaman.

Budaya UMNO dan Melayu dalam menyelesaikan masalah dan sebarang kerumitan yang bertunjangkan kepada permafakatan, mesyuarah dan perbincangan, hendaklah menjadi pegangan kuat setiap ahli UMNO. Budaya menikam dari belakang, berpura-pura, tidak patut menjadi amalan UMNO. Setiap ahli UMNO hendaklah berjuang secara ikhlas dan jujur, bukan untuk berebut-rebut mengejar kedudukan, pangkat, jawatan dankekayaan. UMNO hendaklah senantiasa di lihat

sebagai wadah untuk memperjuangkan majoriti bangsa Melayu dan bukannya hanya untuk segelintir golongan tertentu di dalam parti. Kalau suara nurani UMNO sebagai pembela golongan yang lemah, terbiar, tertindas pupur, maka UMNO akan dilihat sebagai parti elitis yang mungkin tidak akan disokong.

Sudah tentu dalam perjalanan menuju ke abad Ke-21, proses memodenkan dan memperbaharui orang-orang Melayu yang menganggotai UMNO seperti yang diharapkan oleh Wawasan 2020, akan melahirkan Melayu baru dan Melayu moden. Orang Melayu yang moden ini tentulah terlibat dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden yang berasaskan industri dan dengan yakinknya mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Sekarang ini sudahpun berlaku perubahan ketara dalam komposisi anggota UMNO, ter-

masuk di peringkat pimpinan. Kelompok guru yang pada satu waktu mendominasi pimpinan UMNO di peringkat bahagian dan cawangan, sudah berkurban. Tempat mereka diambil oleh usahawan, golongan profesional dan korporat yang dilahirkan oleh dasar-dasar UMNO itu sendiri, baik Dasar Ekonomi Baru ataupun Dasar Pembangunan Nasional. Kehadiran mereka terutamanya bagi kalangan yang hendak membala budi UMNO yang telah membolehkan mereka berjaya dalam kehidupan mereka tentulah dialu-alukan dan jangan dilihat sebagai usaha meminggirkan golongan yang bukan usahawan yang menjadi tungggak UMNO selama ini. Kehadiran mereka akan menjadikan UMNO lebih kuat lagi di masa-masa akan datang. Kombinasi usahawan dan bukan usahawan ini akan menjadikan UMNO tetap relevan sebagai sebuah organisasi politik 50 atau 100 tahun akan datang.

## MENDAULATKAN RAKYAT

Di bawah Malayan Union, hak dan kedaulatan telah diserahkan kepada London dan status Raja-raja, menurut seorang pemerhati politik waktu itu telah diturunkan sama tarafnya dengan seorang kadi. Kejayaan UMNO menumbangkan Malayan Union telah memulihkan hak dan kedaulatan Raja-raja Melayu untuk memerintah negeri masing-masing. Bagaimanapun pendirian UMNO terhadap institusi Raja sejak mula lagi sudah jelas. Walau pun ia mempertahankan institusi itu, tetapi UMNO tidak bercadang untuk mewujudkan pemerintahan monarki mutlak seperti yang terdapat di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah ke negara ini. Sebagai gerakan yang mewakili golongan massa, UMNO percaya pada kuasa dan kedaulatan rakyat.


Itu sebabnya dalam kerangka sebuah Tanah Melayu yang merdeka, UMNO memperkenalkan pemerintahan yang dikenali sebagai sistem demokrasi berparlimen kepada Raja Berperlembagaan. Di bawah sistem itu, kuasa sebenarnya telah berpindah kepada rakyat menerusi Parlimen. Kuasa diperolehi melalui

pilihanraya umum yang diadakan setiap lima tahun sekali. Sekalipun kuasa sudah dipindahkan kepada rakyat, institusi Raja-raja Melayu tetap dipertahankan sekalipun hanya sekadar menjadi simbol. Malah UMNO memberi tempat yang tinggi kepada Raja-raja. Melalui pelbagai peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Raja-raja Melayu diletakkan di atas undang-undang. Perkara 32(1) Perlembagaan misalnya memperuntukan bahawa "Yang Di Pertuan Agong... tidak boleh didakwa dalam apa-apa perbicaraan dalam mana-mana mahkamah." Perkara 181 (2) pula menyatakan "Tiada apa-apa perbicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap raja bagi sesuatu negeri atau sifat dirinya sendiri."

Ini bermakna Raja-raja seolah-olah diberi imuniti daripada sebarang dakwaan. Memang ada pihak yang cuba mendakwa Raja, tetapi kes mereka dibuang begitu sahaja oleh mahkamah. Untuk memberi makna kepada institusi Raja, segala rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen hendaklah mendapat perkenan dari Raja sebelum boleh diwartakan menjadi

undang-undang. Yang Di Pertuan Agong, selaku kepala negara pula diberi kuasa untuk mengisyitiharkan pemerintahan darurat. Malah untuk memperkuuhkan kedudukan Raja-raja Melayu, Perkara 38 (4) menetapkan bahawa tidak ada undang-undang berkait dengan hak istimewa dan kedudukan Raja-raja Melayu boleh diluluskan tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Majlis Raja-raja. Kerana sayangkan Raja-raja juga, UMNO sanggup meminda Akta Hasutan selepas peristiwa 13 Mei 1969 untuk menjadikan satu perkara yang sensitif memperkatakan kedudukan dan hak istimewa Raja-raja.

Bagaimanapun perlindungan kepada Raja-raja yang diberikan oleh UMNO sebenarnya dibuat berlandaskan sistem demokrasi berparlimen. Raja-raja dikehendaki bertindak mengikut nasihat kerajaan yang memerintah - dalam kes ini kerajaan yang didokong oleh UMNO. Ini bermakna kesayangan UMNO terhadap institusi raja ada batasnya. Memanglah sejak merdeka, antara UMNO dan Raja-raja terdapat ketegangan kerana ada antara Raja-raja itu bertindak melam-





**PERHIMPUNAN** penyuluhan Raja-raja Pemuda UMNO di sidang tahunan. Amara merdeka khalal menjadi peristiwa pelapis pada masa itu yang

pau batas-batas yang telah ditetapkan. Selama 35 tahun yang pertama, sebarang masalah dan ketegangan diselesaikan di belakang tabir. Para pemimpin UMNO yang menjadi Perdana Menteri, pada mulanya Tunku Abdul Rahman, kemudian Tun Abdul Razak, diikuti oleh Hussein Onn memang diketahui telah mengingatkan Raja-raja Melayu supaya jangan melampaui had dari masa ke masa. Tidak ada pindaan Perlembagaan Persekutuan dibuat untuk menjelaskan fungsi mereka jika ada yang sudah keterlaluuan.

Bagaimanapun setelah tidak tahan dengan karenah sebilangan Raja-raja yang seolah-olah tidak memahami peranan mereka dan kerana ada antara mereka cuba campurtangan dalam pemerintahan, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad telah memindah Perlembagaan untuk menjelaskan lagi kedaulatan kuasa rakyat dan peranan Raja Perlembagaan.

Pindaan pertama dibuat pada tahun 1983. Waktu itu, pindaan

dilakukan berkait dengan kuasa memberi perkenan terhadap rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Negeri. Pindaan dilakukan terhadap Perkara 66 (5) yang menetapkan bahawa mana-mana rang undang-undang yang tidak diperkenan oleh Raja dalam masa 15 hari, ia secara automatik menjadi undang-undang. Perkara 150 juga dipinda untuk membantah pindaan Perlembagaan itu. Yang Di Pertuan enggan memperkenanannya. Berlaku krisis antara Raja dan UMNO.

Tetapi menyedari bahawa kedaulatan rakyat adalah lebih agung, Raja-raja akhirnya menerima hakikat. Kompromi dicapai tentang kuasa perkenan itu.

Di bawah pindaan baru, Raja-raja diberi tempoh 30 hari untuk menyatakan pandangan terhadap satu-satu rang undang-undang. Jika tidak ada bantahan ia hendaklah diperkenankan dalam masa 30 hari itu. Jika ada bantahan, rang undang-undang hendaklah dikemukakan kepada Parlimen dan setelah Parlimen

membahaskan dan meluluskan, rang undang-undang itu dikembalikan kepada Raja-raja dan mereka mempunyai 30 hari untuk memberi perkenan. Jika dalam tempoh itu tidak diberi perkenan, rang undang-undang itu secara automatik menjadi undang-undang.

Sekalipun pindaan perlembagaan dibuat, terdapat Raja-raja yang terus campurtangan dalam pentadbiran. Keadaan ini berlaku secara terbuka di Kelantan menjelang dan semasa Pilihanraya Umum 1990.

Sultan Kelantan telah bertindak di luar batasnya apabila menukar pegawai-pegawai kerajaan negeri ikut suka. Baginda juga telah berkempen menentang UMNO dalam pilihanraya itu. Akibatnya, tindakan Sultan Kelantan itu telah dikritik hebat dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Oktober 1990. Satu usul meminta Raja-raja berpegang teguh kepada Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Negeri demi menjamin keutuhan, kedaulatan serta kelangsungan

institusi Kesultanan telah diluluskan.

Buat pertama kalinya dalam sejarah UMNO, pelbagai karenah buruk Raja-raja telah didedahkan.

Berikutnya itu, UMNO menghantar memorandum kepada Raja-raja Melayu meminta mereka supaya akur terhadap keadautan rakyat.

Tidak ada pindaan perlembagaan dilakukan, tetapi selepas beberapa pertemuan Raja-raja bersetuju mewujudkan Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan. Perisytiharan yang bertarikh 4 Julai 1992 itu antara lain menjelaskan lagi penglibatan raja-raja dalam politik, kuasa melantik Menteri Besar dan Ahli Majlis Kerajaan Negeri, maksud bertindak atas nasihat, perlantikan pegawai-pegawai tinggi kerajaan; penglibatan raja dalam perniagaan, perbelanjaan istana dan kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri.

Kehadiran yang menjelaskan fungsi Raja Berperlembagaan menerusi Prinsip Perisytiharan Perlembagaan itu sepatutnya membolehkan Raja-raja Melayu berfungsi dengan baik. Apa yang diharapkan itu tidak berlaku.

Pada akhir 1992, negara diketukut dengan tindakan Sultan Johor memukul jurulatih hoki Douglas Gomez di Istana Bukit Serene pada 30 November tahun itu. Berita itu menimbulkan kemarahan rakyat dan UMNO kerana seorang rakyat telah menjadi mangsa keganasan seorang Raja.

Perdana Menteri bertindak serta merta. Perkara itu dibawa ke Parlimen untuk dibincangkan. Berikutnya peristiwa itu, keputusan dibuat untuk meminda Perlembagaan Negara untuk menghalang tindakan sewenang-wenangnya terhadap rakyat.

Imuniti raja-raja tidak boleh didakwa di mahkamah kerana kesalahan jenayah dan pelbagai kesalahan lain yang dilakukan

atas sifat peribadinya ditiadakan. Peruntukan perlembagaan yang mengecualikan Raja-raja daripada dakwaan mahkamah bagi kesalahan peribadi, dibatalkan.

Sebuah mahkamah khas untuk membicarakan raja-raja bagi kesalahan jenayah yang mereka lakukan dibentuk. Dengan pinداan yang dibuat itu bermakna UMNO telah mendaulatkan kuasa rakyat dan menjelaskan lagi fungsi rasmi dan tidak rasmi Raja-raja sebagai Raja Berperlembagaan. UMNO tidak boleh dituduh menentang Raja-raja kerana dalam agenda UMNO, tidak ada rancangan untuk menghapuskan institusi raja di negara ini, apa lagi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara republik.

UMNO akan tetap mempertahankan institusi raja hingga ke titisan darah terakhir. Tetapi yang dipertahankan itu bukanlah pemerintahan monarki mutlak, tetapi sistem Raja Berperlembagaan yang mengakui kedaulatan kuasa rakyat.



• DATUK Dr Siti Zaharah Sulaiman, Habsah Ahmad dan Datuk Paduka Zainah Ismail mungkin berbincang sesuatu tentang masa depan Pengarok Wanita UMNO.

# UMNO SEDERHANA DALAM PERJUANGANNYA



Oleh  
**TANSRIA SAMAD ISMAIL**

PENUBUHAN UMNO pada tahun 1946, berikutan pertemuan bangsa Melayu terhadap rancangan penjajah British, Malayan Union, sebagai satu detik sejarah yang amat penting, untuk bangsa Melayu selepas perang dunia kedua.

Perhimpunan Besar di Kelab Sultan Sulaiman itu, dihadiri oleh 41 buah pertubuhan, persatuan, kesatuan dan badan-badan masyarakat dari berbagai golongan. Seramai 107 orang wakil, dan 56 orang pemerhati rasmi dari tiap-tiap negeri dan jajahan di Tanah Melayu termasuk Singapura telah hadir dengan kuasa penuh selain daripada beribu-ribu manusia yang berkumpul di padang halaman kelab itu untuk mendengar wakil-wakil membincang soal-soal yang dihadapi oleh mereka dengan panasnya — (Sejarah

Perjuangan Bangsa Melayu oleh Ibrahim Mahmud).

Perhimpunan Besar itu sebenarnya didorong oleh kemarahan orang-orang Melayu, tidak sahaja terhadap gagasan Malayan Union tetapi terhadap cara wakil Kerajaan British, Sir Harold MacMichael mendapatkan persetujuan Raja-Raja Melayu terhadap perjanjian itu.

MacMichael telah mengugut, mengertak dan bertindak sewenang-wenang ke atas Raja-Raja Melayu, semata-mata untuk mendapatkan persetujuan mereka terhadap rancangan itu.

Menurut buku "Sejarah Perjuangan bangsa Melayu oleh Ibrahim Mahmud", — "Yang Diperintah Besar Negeri Sembilan menyatakan di dalam 5 orang besar waris takhta kerajaan adalah



● KENANGAN sejarah... para Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada awal tahun lapan puluhan.

Datuk Rembau, yang sangat-sangat tidak bersetuju dengan perbuatan menurunkan tandatangan itu.

"Datuk Kelana yang memban-tah telah dibawa dalam keadaan sangat uzur telah meninggal 25 hari kemudiannya, telah sedia hendak melakukan atau menurunkan tandatangan kepada sebarang apa juga untuk mendatangkan keamanan kami sekalian kehendaki di dalam keadaan-keadaan itu. Datuk Jelebu berkata, perkara ini ialah suatu perkara yang sudah jadi dan sungguhpun ia menentangnya, dia berkata di dalam keadaan-keadaan ini, tidaklah ada beza-nya sama ada ia menurunkan tandatangan atau tidak."

"Datuk Johol ialah seorang yang sangat tua dan boleh dikatakan tidak mengenal huruf, yang nyata sekali tiada faham betul-betul apa yang telah berlaku. Tengku Besar Tampin masih belum cukup umur, ia telah melantik kakaknya mewakilinya dan kakaknya telah membuat apa yang telah di suruhnya."

Menurut Sultan Kedah pula, baginda telah diberi kata dua dengan mulut dengan masa yang dihadkan dan kalau baginda menolak daripada menurunkan tandatangan ke atas apa yang baginda katakan alat menyerah diri, penggantinya yang akan menurunkan tandatangannya akan dilantik. — Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu oleh Ibrahim Mahmud.

"Sementara itu, ahli-ahli mesyuarat Negeri Kedah telah dipaksa menurunkan tandatangan dengan mengaku mereka akan menasihatkan baginda supaya menurunkan tandatangan. Baginda Sultan telah diberitahu iaitu perkara itu adalah perkara sah-siah dan sulit dan baginda tidak pula dibenarkan menceritakan apa yang telah berlaku itu. Pendek kata Raja-Raja telah tertipu,

selain diugut dan dipaksa oleh MacMichael supaya menerima gagasan Malayan Union itu. — Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu oleh Ibrahim Mahmud.

Manakala hal itu diketahui oleh rakyat, maka tercetuslah demonstrasi yang seumpamanya belum pernah dilancarkan oleh bangsa Melayu di seluruh tanahair secara spontan menentang penipuan dan muslihat jahat Sir Harold MacMichael itu.

Surat-suratkhabar Melayu me-nambil peranan penting menyeru-kan supaya bangsa Melayu bertindak secara organisasi me-negadakan satu kongres demi membulatkan dan menggem-

bleng tenaga bangsa Melayu un-tuk merobohkan gagasan British itu. Mereka telah menjalankan kempen mengutuk gagasan itu dan menggesa rakyat supaya bangkit menghapuskan gagasan itu yang mengandung mat jahat British untuk merampas hak dan kedaulatan bangsa Melayu di tanahair sendiri.

Menurut "Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu oleh Ibrahim Mahmud", "Tunjuk-tunjuk perasaan telah diadakan secara besar-besaran di seluruh negeri. Lebih 50,000 orang Melayu Kedah mengadakan perarakan raksasa sepanjang lebih dua batu anjur-an Kesatuan Melayu Kedah



● TIGA serangkai... Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

mengadakan perarakan raksasa sepanjang lebih dua batu anjuran Kesatuan Melayu Kedah di Alor Setar. Seramai 36,000 orang Melayu berhimpun di Kota Bharu berarak menunjuk perasaan membantah Malayan Union. Antara slogan-slogan yang dipaparkan di pemidang-pemidang dan poster-poster ialah "British Pecah Amanah", dan "Kita tidak boleh percaya lagi kepada British".

Pegawai-pegawai tinggi Melayu Kelantan mengutuskan kawat membantah Malayan Union, sambil menggugat kalau gagasan itu tidak dibatalkan mereka akan meletakkan jawatan. Rakyat Kelantan menuntut Sultan Ibrahim menerangkan kepada rakyat mengapa baginda menandatangani perjanjian itu."

Suatu hal yang menarik ialah bahawa kebangkitan bangsa Melayu pada masa itu ialah secara spontan berlaku dalam keadaan negara dikuasai oleh tentera British.

Surat-suratkhabar Melayu

menganjurkan supaya diadakan suatu kongres tergempar. Ini telah disambut oleh pemimpin-pemimpin Melayu, terutama sekali Datuk Onn untuk membincangkan langkah-langkah tindak balas kepada Kerajaan British itu. Pada masa itulah rakyat memperlihatkan kekuatan mereka hingga dapat memaksa Raja-Raja ikut menolak Malayan Union.

Perpaduan yang tercapai pada masa itu, ialah satu perkembangan yang luarbiasa dan unik dalam erti perpaduan itu terjadi oleh segenap lapisan rakyat, dari Raja-Raja membawa kepada rakyat biasa. Seperti yang dikatakan oleh Ibrahim Mahmud dalam bukunya "Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu" pada masa itu "Raja-Raja Melayu semuanya sedia mengikut kemauan rakyat yang telah didapat bersungguh-sungguh mempertahankan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja dan rakyat bangsa Melayu, sehingga menimbulkan cogan kata "Raja itu Rakyat, dan Rakyat itu Raja. Perjuangan menentang Malayan Union dilangsungkan da-

lam sekitaran politik yang bergolak dan menggelegak."

Kekalahan Jepun dan kembalinya British ke Malaya mencecahkan gelora nasionalisme tidak sahaja di kalangan bangsa Melayu, tetapi juga di kalangan rakyat berbagai kaum. Untuk pertama kali Parti Komunis Malaya mendapat kebebasan untuk bergerak mengembangkan pengaruh di kalangan masyarakat terutama di kalangan kaum pekerja. Kebebasan ini dipergunakan oleh rakyat untuk menuhubkan berbagai organisasi.

Orang-orang Melayu menuhubkan parti-parti politik, seperti Parti Kebangsaaan Melayu Malaya, yang mempunyai aliran sendiri untuk mencapai kemerdekaan melalui pergabungan dalam Republik Indonesia.

UMNO dikatakan telah diasaskan menurut perlombagaan, struktur dan pendekatan pertubuhan yang didirikan oleh Datuk Onn di Batu Pahat. Johor sebelum itu — Pergerakan Melayu Semenanjung Johor. Ini ialah



● KAMI bersatu... Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, Datuk Seri Dr Mahathir, Tun Ghafar bin Baba dan Datuk Mohamed Rahmat menjulang tangan bersama sebagai menandakan ahli-ahli UMNO tetap bersatu.



● PARA perwakilan persidangan tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO tekun mengikuti ucapan Tun Ghafar bin Baba semasa menjadi Timbalan Presiden UMNO dahulu.

kerana Datuk Onn ialah satunya pemimpin Melayu pada masa itu yang mempunyai pertubuhan politiknya sendiri. Adalah benar juga bahawa antara pemimpin-pemimpin Melayu yang mengasaskan UMNO pada masa itu. Datuk Onn ialah pemimpin yang mempunyai pengalaman dalam perjuangan. Dalam masa Jepun, Datuk Onn dikatakan menjadi seorang pemimpin KRIS atau Kesatuan Rakyat Melayu Indonesia yang ditaja oleh Ibrahim Yaakob. Lagenda Datuk Onn dibina lama sebelum itu lagi. Dia pernah menjadi pengarang Warta Malaya dan Lembaga Malaya dalam tahun 1930-an. Sebagai wartawan, beliau menjadi pengkritik dasar-dasar pentadbiran Kerajaan British. Bahkan beliau pernah dibuang negeri oleh Rajanya sendiri dan hidup selama beberapa tahun di Singapura bersama keluarganya dalam keadaan amat dhaif sekali. Dia terkenal pada masa itu kerana tulisan-tulisannya mengkritik

tindak-tanduk Sultan Ibrahim seperti katanya, "Saya menentang Raja saya sendiri oleh kerana perbuatannya kepada anak negeri... saya telah diberhentikan dari jawatan kerajaan dan dibuang daripada negeri Johor itu. Oleh kerana kemudian daripada itu saya membantah lagi kepada Raja saya sendiri kerana kezalimanannya membuat rakyatnya maka sekali lagi saya telah dihalaukan daripada jawatan Kerajaan itu...". — Riwayat Datuk Onn oleh Anwar Abdullah.

Yang demikian, di antara pemimpin-pemimpin Melayu yang berhimpun di Kelab Sultan Sulaiman itu maka Datuk Onn tertonton sebagai figura yang latar hidupnya terserlah kewibawaannya untuk menjadi pemimpin kongres itu.

Tetapi Datuk Onn tidak mempunyai pengalaman memimpin organisasi politik sebesar pertubuhan yang akan ditubuhkannya itu. Pergerakan Melayu Seme-

nanjung Johor terbatas kepada negeri Johor. Kelahirannya berlatar belakang ketegangan dalam hubungan kaum Melayu dan kaum Cina yang membawa kepada pertumpahan darah.

Tetapi UMNO merupakan sebuah parti politik kebangsaan meliputi seluruh negeri dari Perlis membawa ke negeri Johor. Bagaimanapun, kekurangan dan kelonggaran dalam struktur, organisasi dan kepemimpinan pada masa itu diatasi oleh semangat dan tekad yang bersemarak di kalangan orang-orang Melayu untuk bersatu mementang Malayan Union. Organisasi digerakkan dan mendapatkan kediaman-sanya dari semangat rakyat yang meluap-luap untuk mengembalikan kedaulatan dan hak mereka di atas tanah air sendiri.

Untuk pertama kali rakyat mempunyai sebuah organisasi nasional yang melampaui batas negeri. Untuk pertama kali rakyat Melayu mempunyai seorang



● DATUK Seri Anwar, Datin Seri Dr Siti Hasmah dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berbual mesra semasa Perhimpunan Agung CMNO berlaku rehat.

pemimpin kebangsaan atau *national leader*. Dari menjadi seorang pemimpin orang-orang Melayu negeri Johor, Datuk Onn menjadi seorang pemimpin kebangsaan.

Kesedaran dan kebangkitan orang-orang Melayu memang telah lama bersinar dari masa sebelum perang lagi. Semangat dan kesedaran bangsa Melayu lahir dari pendedahan bangsa Melayu kepada kebangkitan bangsa Indonesia dan gerakan reformasi Islam terutama di Mesir. Guru-guru Melayu di Kolej Latihan Guru Tanjung Malim sebelum perang banyak dipengaruhi oleh perjuangan kebangsaan di tanah seberang. Guru-guru Melayu dan agama memainkan peranan penting dalam gerakan menabur bibit-bibit nasionalisme bangsa sebelum perang dahulu membawalah kepada era perjuangan kemerdekaan selepas perang. Orang-orang Melayu telahpun mempunyai persatuan dan organisasi mereka yang bermakna bahawa pada zaman sebelum perang dunia kedua itu pun orang-orang Melayu telah

mengumpulkan pengalaman berorganisasi sekalipun secara kecil-kecilan dan terbatas kepada negeri masing-masing tanpa mempunyai tujuan-tujuan politik tertentu.

Tetapi sebelum perang itu pun, Kesatuan Melayu Singapura bersama beberapa pertubuhan yang selarannya di Semenanjung telah dapat menaja dua kongres atau perhimpunan besar orang-orang Melayu. Walaupun tujuan dan matlamat kongres-kongres itu tidak bercorak politik dalam arti menggugat secara langsung isu pokok corak penjajahan British, tetapi tidak syak perhimpunan-perhimpunan besar itu telah merintis jalan ke arah perhimpunan besar bangsa Melayu di Kelab Sultan Sulaiman itu pada tahun 1946.

Dasar-dasar pentadbiran Kerajaan British memang telah menjadi sasaran kritik dan kecaman pemimpin-pemimpin Melayu dan akhbar-akhbar Melayu dari sejak tahun 30-an. Dasar Kerajaan British membawa masuk orang-orang bukan Melayu menjadi bahan kritikan dan kecaman

pembesar-pembesar dan wartawan-wartawan Melayu sebelum perang dahulu. Selain itu, kemunduran hidup menyebabkan orang-orang Melayu amat merasa kecewa dan terkilan terhadap dasar Kerajaan British sedangkan orang-orang Melayu menyifatkan British sebagai penaung yang berkewajipan menjaga kesejahteraan dan nasib hidup mereka.

Malayan Union merupakan katalis atau pemangkin terhadap kebangkitan bangsa Melayu selepas perang untuk menebus maruah dan harga dirinya. Orang-orang Melayu selamanya merasa negeri mereka telah tergadai kepada bangsa-bangsa asing oleh Kerajaan British. Malayan Union hanya mengesahkan apa yang telah begitu lama disyaki dan diyakini oleh bangsa Melayu, iaitu British tidak amanah.

Bantahan orang-orang Melayu bukan semata-mata kerana British telah memaksa Raja-Raja Melayu menyerah kuasa mereka kepada Whitehall. Bantahan itu pada hakikatnya lahir dari kemarahan orang-orang Melayu

kepada Kerajaan British membuka hak kerakyatan negeri ini kepada orang-orang "asing". Orang-orang Melayu takut mereka akan lemas di tanahair sendiri. Dengan berjuang untuk memulihkan kuasa Raja-Raja pada masa itu, orang-orang Melayu yakin bahawa mereka berjuang juga untuk masa hadapan mereka.

Malayan Union pada tanggapannya orang-orang Melayu merupakan puncak ketidakjujuran Kerajaan British memegang amanah untuk melindungi bangsa Melayu.

Rasa takut dan bimbang bahawa mereka akan menjadi kaum yang menumpang di tanahair mereka kelak — perasaan inilah yang mendorong perjuangan orang-orang Melayu yang ber-

himpun di Kelab Sultan Sulaiman itu.

Bila tercetus perang Pasifik, orang-orang Melayu mengharapkan Jepun akan dapat membela nasib orang-orang Melayu. Tetapi nasib bangsa Melayu tidak juga berubah dalam masa tiga tahun setengah Jepun menguasai negeri ini. Malah nasib bangsa Melayu semakin dhaif lagi. Beberapa negeri Melayu diserahkan untuk ditadbirkan oleh Kerajaan Siam. Orang-orang Melayu kehilangan tempat untuk bergantung kerana tidak ada pemimpin yang berani dan sanggup membela mereka. Bila terjadi pergaduhan antara orang-orang Melayu dan orang-orang Cina di beberapa negeri, orang Melayu terpaksa bergantung kepada "kiayi-kiayi" di kampung sahaja untuk mempertahankan diri seperti yang

berlaku di Batu Pahat, Johor. Hanya Datuk Onn sahaja yang menggagahkan diri tampil ke hadapan menjadi pendamai.

Yang demikian, orang-orang Melayu merasa nasib mereka seperti sudah jatuh ditimpa tangga bila British memaksakan gagasan Malayan Union ke atas mereka.

Keadaan yang wujud pada masa selepas perang itu memberikan ruang yang agak menguntungkan UMNO. Setelah bersestua menggugurkan Malayan Union, Kerajaan British sanggup merundingkan satu perjanjian baru dengan Raja-Raja serta UMNO yang oleh British diiktiraf sebagai mewakili bangsa Melayu. Dengan demikian, UMNO mendapat dirinya dalam satu kedudukan yang kukuh yang tidak terdapat pada parti-parti politik yang lain. UMNO terabit secara langsung dalam proses yang digerakkan oleh British untuk membawa perubahan-perubahan politik di negara ini yang bermula dengan pilihan-pilihanraya di peringkat majlis kerajaan tempatan, kemudian dengan mengadakan pilihanraya yang secara terbatas memberikan kuasa pemerintahan sendiri yang akhirnya kepada kurniaian kemerdekaan pada tahun 1957.

Bertolak pada mulanya dari perjuangan menghapuskan Malayan Union, UMNO secara beransur-ansur meletakkan kemerdekaan sebagai matlamat perjuangannya di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman.

Perisytiharan Dharurat akibat tercetusnya perang keganasan Komunis pada tahun 1948 memantapkan lagi kedudukan UMNO. Saingan UMNO yang paling kuat ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Wanita Sedar dan Angkatan Pemuda Insaf, pun berkubur pada tahun 1948 itu. Parti Komunis Malaya serta semua pertubuhan barisan depannya (front organisation)



● TAN Sri Isa Abdul Samad (kiri), Datuk Dusuki Haji Ahmad dan Datuk Dr Abdul Hamid Othman berbincang sejenak di waktu rehat Perhimpunan Agung UMNO.

telah diharamkan. Pergerakan politik menjadi beku kerana seluruh tenaga kerajaan ditumpukan untuk menumpaskan pengganas. Tetapi UMNO bergerak terus walaupun tidak serancak sebelumnya. Bagaimanapun parti UMNO sahaja dan setelah itu MCA yang bebas bergerak ketika itu dengan sendirinya menjamin kelanjutan sebagai sebuah organisasi politik.

Tetapi British tidak pula membantalkan usaha-usahanya mempersiapkan asas-asas perubahan politik demi membuka jalan kelak kepada tercapainya taraf pemerintahan dan akhirnya kemerdekaan kepada Malaya. Rundingan-rundingan mengubah perlembagaan ke arah memberikan rakyat hak memerintah sendiri diteruskan oleh British. Tunku Abdul Rahman mengambil alih kepemimpinan UMNO dan matlamat bertular kepada pencapaian kemerdekaan.

UMNO berubah dari sebuah parti politik yang memperjuangkan kepentingan Malaya untuk menjadi sebuah organisasi yang menyuarakan aspirasi rakyat seluruh kaum iaitu kemerdekaan.

Pergolakan politik mula rancah semula sedangkan tadinya

akibat tekanan dharurat perkembangannya agak lesu. UMNO dibawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman berperanan sebagai perintis perjuangan seluruh rakyat untuk mencapai kemerdekaan, mengukuhkan kedudukannya dan kewibawaannya sebagai sebuah parti yang mampu berhadapan dengan British membawa kemerdekaan secara perundingan.

Seperkara yang menarik hati ialah dari sejak mula ditubuhkan, UMNO mengikuti jalan sederhana dalam perjuangannya. Bahkan dalam saat-saat kemarahan orang-orang Melayu menentang Malayan Union, tidak pernah berlaku sesuatu kejadian ganas yang membabitkan anggota UMNO. Dalam masa orang-orang Melayu sedang marah terhadap Sir Harold MacMichael, menurut cerita, ada beberapa orang Melayu yang menawarkan diri untuk membunuh beliau. Tunjuk-tunjuk perasaan yang disertai oleh puluhan ribu orang Melayu untuk mengutuk Malayan Union tidak pula pernah dicemarkan oleh sebarang tindakan ganas yang mengganggu keamanan. Ini barangkali kerana orang-orang Melayu pada masa itu menyedari

bahawa sebarang tindak-tanduk mereka yang "extreme" boleh menjelaskan kedudukan Raja-raja.

Sebenarnya British pun tidak punya pilihan. Sama ada pihaknya berunding dengan Raja-Raja dan UMNO yang boleh menjamin kestabilan dan keamanan dalam negeri ataupun pihaknya terpaksa berhadapan dengan golongan-golongan politik lain yang mungkin tidak bersedia bekerjasama dengan Whitehall.

UMNO sahaja dapat memberikan jaminan kelanjutan sistem demokrasi dan keharmonian antara kaum yang diingini oleh British dalam proses membina sebuah negara yang bakal dimerdekakannya nanti.

Tetapi British meminta harga yang agak mahal dari orang-orang Melayu bahawa kita harus berkongsi kuasa dengan kaum-kaum lain sebagai syarat kemerdekaan kita, dan menerima formula "jus soli" untuk rakyat bukan Melayu.

Bagaimanapun akhirnya kedua-dua gagasan itu juga yang membawa kemajuan dan kemakmuran serta kestabilan kepada negara.





● **TUN Dr. Ismail...** Tidak ada parti yang boleh hidup sebagai tidak ada sifat toleransi dalam parti itu sendiri. Untuk ini setiap kali UMNO perlu mempunyai sifat-sifat sense of involvement iaitu melibatkan diri dalam segala kegiatan parti, sense of dedication atau sifat berdedikasi dan sense of belonging terhadap parti dan pimpinan pada setiap masa.

# PERJALANAN UMNO SETELAH 50 TAHUN



Oleh  
**CHAMIL WARIYA**

MEREKODKAN perjalan setengah abad UMNO sejak penubuhannya pada 11 Mei 1946 sehingga hari ulang tahunnya yang ke 50 pada 11 Mei 1996, tidaklah begitu sukar. Tugas yang lebih sukar adalah untuk meramalkan cabaran-cabaran yang akan dilalui oleh parti itu untuk tempoh 50 atau malah 100 tahun akan datang. Apakah kewujudan UMNO akan dapat terus dipertahankan untuk setengah abad mendatang? Dapatkan kuasa yang dipegangnya sejak 39 tahun lalu dikenalkan? Atau apakah parti itu akan mengalami kemerosotan pengaruh dan seterusnya tersingkir daripada arena politik nasional sama sekali seperti yang dialami oleh parti-parti politik yang sebaya dengan UMNO di negara ini dan juga di negara-negara membangun lain?

Memanglah di kalangan pemerhati politik ada yang percaya bahawa jika diikutkan teori "apa yang naik akhirnya akan turun", UMNO sebagai sebuah organisasi memang tidak dapat dielakkan daripada mengalami zaman-zaman kemerosotan dan kejatuhan. Bagi mereka soalnya cuma bila. Kata mereka lagi dalam sejarah tamadun manusia tidak ada sebuah kerajaanpun yang boleh bertahan hingga bila-bila.

Mereka yang berpegang kepada pemikiran ini berkata, selama setengah abad yang lalu, UMNO sudahpun melalui tahn-tahun kegemilangannya. Selepas berusia 50 tahun, UMNO akan mula memasuki era menopaus; ketahanan badan melawan penyakit juga akan berkurangan kecuali ia senantiasa bersedia dan sanggup memperbaharui dirinya.





● DATUK Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah berkenan kenangan dengan para pengikut dan media massa yang bertugas sepanjang Perhimpunan Agung UMNO.

Untuk menyokong pendirian mereka, golongan itu seterus berhujah bawaha untuk setengah abad akan datang UMNO berdepan dengan keadaan yang akan menentukan survivalnya. Benar keahlian parti itu telah bertambah menjadi 2.4 juta orang sekarang, tetapi pertambahan itu tidak akan memperkuatkan organisasi seandainya generasi baru yang menyertai UMNO mempunyai komitmen yang rendah dalam memperkuuhkan idealisme parti. Malah golongan ini berkata kekuatan UMNO yang ada sekarang sebenarnya adalah superfisial. Menurutnya "UMNO kuat kerana ia ada kuasa dan kerana ketidaa alternatif yang viable kepada parti itu. Tanpa kuasa itu, UMNO akan menjadi organisasi yang tidak berharga.

Orang Melayu tidak akan menyokongnya. Setelah memasuki usia 50 tahun, UMNO ibarat seorang wanita yang memasuki usia menopaus."

Namun begitu, sentimen yang

mengatakan masa depan UMNO tidak begitu menggalakkan untuk 50 tahun akan datang, bukanlah satu pandangan yang meluas. Sebahagian besar perhatian politik tanahair yang ditinjau pandangan mereka tentang masa depan UMNO sempena perayaannya yang ke 50 tahun nampaknya sekata: Bawaha sebagai satu organisasi politik UMNO tidak ada masalah untuk mempertahankan statusnya yang supreme dalam politik Melayu dan politik tanahair. Menurut mereka, UMNO akan tetap menjadi tempat berhirupnya orang-orang Melayu dan kekal menjadi alat memperjuangkan dan melindungi kepentingan bangsa Melayu sclagi perjuangan tidak menyeleweng daripada mewakili kepentingan majoriti komuniti yang diwakili.

Kata mereka lagi, UMNO sebagai sebuah parti Melayu tidak akan hilang jiwa Melayunya. Bak kata seorang penganalisis: "selagi UMNO mempunyai kuasa dan

selagi kuasa itu tidak disalahgunakan secara sewenang-wenangnya sehingga berlaku ketidakadilan yang menyolok mata dan seterusnya boleh menyisihkan rakyat jelata yang menyokongnya, selagi itulah UMNO akan menjadi satu-satunya parti Melayu yang unggul dan didokong oleh orang-orang Melayu untuk seratus tahun akan datang."

Malah menurut penganalisis lain pula, jika pun berlaku penyalahgunaan sedikit kuasa, UMNO tidak mudah ditumbangkan.

Katanya "di dalam minda dan psyche orang Melayu, terutama di luar bandar terdapat semacam kepercayaan, tanpa UMNO orang Melayu akan hancur. Bagi mereka, UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO.

Kedua-dua UMNO dan Melayu sudah sebat. Kerana itu, setiap kali tiba pilihanraya umum, sekalipun mereka tidak begitu

sukakan UMNO kerana dasar-dasar tertentu yang didakwa tidak menguntungkan Melayu, mereka tetap memberikan sokongan mereka kepada UMNO dan Barisan Nasional yang didukungnya."

Dalam kata-kata lain menurut tafsir penganalisis ini, mereka menyokong UMNO bukan secara dirancang tetapi terpaksa kerana tidak terdapat pilihan yang lebih viable - satu dakwaan yang tentunya boleh dipertikaikan.

Untuk mengatakan bahawa orang Melayu tidak mempunyai alternatif kepada UMNO barangkali juga tidak benar. Selain UMNO sebenarnya terdapat sebilangan parti Melayu yang lain yang cuba menjadikan diri mereka sebagai alternatif kepada UMNO tetapi tidak begitu berjaya. Lihat apa jadi pada Pas. Sampai sekarang, parti yang menggunakan nama Islam itu gagal membuat sebarang impak yang diharapkan. Pengaruhnya terbatas di Kelantan dan Terengganu.

Parti Melayu Semangat 46,

yang menonjolkan dirinya sebagai alternatif kepada UMNO juga mengalami nasib yang sama: malah lebih teruk daripada Pas. Orang-orang Melayu tidak menerima mereka secara mutlak untuk memerintah, sama seperti yang dinikmati oleh UMNO. Pas hanya berjaya memerintah Kelantan.

Kejayaan itupun, menurut setengah pemerhati politik, dicapai bukan kerana kekuatan asasi Pas itu sendiri tetapi kerana berlaku perpecahan di kalangan Melayu dalam UMNO yang telah membawa kelahiran kepada Semangat 46 itu sendiri. "Kalau Melayu UMNO bersatu, Pas tidak mungkin dapat kesempatan memerintah Kelantan," tegasnya.

Kenyataan itu memang sukar untuk dipertikaikan. Ini kerana sekawtu Pas mengambil alih pemerintahan Kelantan dalam pilihanraya 1990, perpecahan Melayu di dalam UMNO berada pada kemuncaknya. Hubungan UMNO dengan Istana Kelantan yang tegang juga tidak memban-

tu parti itu. Akibatnya, dalam pilihanraya itu, UMNO kehilangan kesemua kerusi negeri dan Parlimen yang ditandingi. Dan selepas bekas orang UMNO dalam Semangat 46 mula kembali ke pangkal jalan, UMNO di Kelantan kembali bernafas. Itu sebalnya dalam pilihanraya umum lima tahun kemudian pada 1995, UMNO membuat beberapa kemajuan di negeri itu. Tujuh calonnya di peringkat negeri menang manakala dua orang ahli Parlimen yang mewakili UMNO turut memenangi kerusi masing-masing. Dan sekiranya orang-orang Semangat 46 kembali sepenuhnya ke UMNO di Kelantan, dan petanda terbaru menunjukkan kemungkinan hal itu berlaku memang ada, maka Pas akan berdepan dengan masalah untuk mempertahankan pemerintahannya. Benar dengan 24 kerusi negeri di Dewan Undangan Negeri yang mempunyai 43 kerusi itu, Pas boleh membentuk kerajaan. Namun majoriti yang dimiliki tidak begitu selesa. Sekiranya 4 orang ADUN Pas berpaling tадah dan mengadakan



● DATO'  
TALIB

SRI RAMLI NOAH TALIB, DATO' SERI SAMSDIN BIN SHARIF  
di Perhimpunan Rakyat Anggaran 2000

kerjasama dengan UMNO dan Semangat 46, kerajaan Pas di Kelantan akan tumbang.

Mengambil iktibar daripada pengalaman UMNO di Kelantan itu, seorang pengulus politik tanahair membuat satu generalisasi yang lebih umum tentang kekuatan UMNO. "Peristiwa di Kelantan membuktikan bahawa sekiranya UMNO hancur di masa-masa akan datang, faktor-faktor kehancuran itu bukannya datang daripada luar, tetapi dari dalam UMNO itu sendiri." Di luar sistem UMNO katanya tidak ada tenaga yang cukup kuat untuk mengancam kewujudan UMNO, tetapi sekiranya elit-elit politik tertinggi UMNO berpecah belah seperti yang terjadi dalam pemilihan 1987 apabila muncul dua team yang bersaing kuasa dan kemudian enggan berkompromi, maka UMNO akan berdepan dengan saat-saat kegelapan. Kenyataan itu seolah-olah benar kerana selepas pemilihan yang menyaksikan pertandingan sengit itu dalam pemilihan pimpinan 1987 telah menyebabkan UMNO berkubur walaupun hanya untuk seminggu, Rustam A. Sani, seorang ahli sosiologi bersetuju dengan pandangan itu. Memurutnya, "UMNO mustahil untuk dijatuhkan dari luar. Parti itu terlalu kuat untuk ditumbangkan dari luar. Yang boleh menghancurkan UMNO ialah percakaran sesama sendiri di kalangan elit-elit politiknya atas apa juga alasan. Dan ini hampir terjadi da-

lam tahun 1987. Kalau pada waktu itu terdapat sebuah alternatif yang sama viable dengan UMNO, cerita UMNO mungkin sekawtu merayakan ulang tahun ke 50 berbeza sedikit hari ini."

Malah bagi Rustam penyertaan kelas menengah baru Melayu yang terdiri daripada usahawan dan golongan korporat yang dilahirkan sendiri oleh Dasar Ekonomi Baru UMNO yang tidak mempunyai komitmen yang tinggi terhadap idealisme UMNO juga boleh meninggalkan kesan yang berbahaya terhadap parti itu ketika ia melangkah untuk meneruskan perjuangan untuk 50 tahun akan datang.

Kerana itu bagi Rustam dan pemerhati-pemerhati lain yang sealiran dengannya, adalah penting bagi UMNO untuk menilai semula ciptaan sosialnya yang telah melahirkan Melayu yang kini membanjiri parti itu. Kata beliau, "sewaktu memasuki usia 50 tahun satu perkembangan yang ketara dalam UMNO ialah penguasaan golongan petani dan guru sudah berakhir. UMNO kini dianggotai oleh kelas menengah Melayu yang tidak memahami atau berkongsi sentimen yang telah melahirkan UMNO. Jika kelas menengah baru tidak berkongsi idealisme dan perjuangan UMNO mereka akan menganggap UMNO tidak lebih sebagai alat untuk memenuhi cita-cita tertentu mereka. Golongan ini mempunyai wang dan sekiranya

mereka melihat UMNO alat yang berguna untuk kepentingan mereka, mereka tentu bersedia menggunakan kekayaan mereka untuk membeli UMNO. UMNO di tangan kelas menengah yang rakus itu, tidak sama dengan UMNO yang telah menentang Malayan Union, membebaskan negara daripada cengkaman penjajahan dan seterus mengambil alih pemerintahan dan menginisiasi kemerdekaan."

Pemerhati lain pula berpendapat bahawa sekalipun UMNO sudah melepas sejarah hitamnya apabila ia diharamkan pada awal 1988, tidak pula bermakna bahawa parti itu sudah bebas sepenuhnya daripada gejala negatif dalam yang boleh melemahkan kedudukannya. Politik wang, penyalahgunaan kuasa, dan sikap kebendaan yang semakin menjadi-jadi di kalangan sebilangan ahli-ahli UMNO dilihat sebagai antara sebab-sebab utama yang boleh menjatuhkan UMNO.

Seorang pengulus secara berterus terang memberitahu: "Apabila UMNO dilihat sebagai lombong emas yang boleh memberi kekayaan, maka mereka yang menyertai parti itu bukan lagi ingin berbakti atau membela budi kepada bangsa, agama dan negara seperti yang digembargemburkan. Mereka masuk UMNO kerana mahu menjadi parti itu sebagai alat un-

OLEH  
YAB TIMBALAN PRESIDEN UMNO  
7th NOVEMBER 1991





DATUK Seri Dr Mahathir bersama sebahagian anggota kabinet Kerajaan Negeri Sabah yang hadir di upacara perasmian Perhimpunan Agung UMNO.

tuk memuaskan nafsu mereka. Apabila itu berlaku, maka UMNO akan tercabut daripada idealisme asal penubuhannya. UMNO akan dilihat sebagai alat bagi golongan tertentu, terutama usahawan dan korporat Melayu, untuk membuncitkan perut masing-masing."

Walaupun terdapat tanda-tanda bahaya bagi masa depan UMNO, mereka yang ditemuramah menaruh keyakinan bahawa pimpinan UMNO akan membendung gejala-gejala negatif itu untuk menjamin UMNO tidak lenyap begitu sahaja.

Profesor Firdaus Abdullah berpendapat UMNO adalah sebuah parti yang berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan.

Menurutnya, kebijaksanaan inilah yang telah menyelamatkan UMNO daripada menghadapi kehancuran di masa-masa lalu.

Katanya, "UMNO adalah lebih

daripada sebuah parti yang pragmatik.

Bagi saya pragmatik bermakna sesuatu pihak itu mengalah sepanjang masa. UMNO tidak begitu. Ada waktu ia mengalah; ada waktu ia bertegas, terutama dalam mempertahankan kepentingan Melayu. Ada waktu UMNO membuat perubahan, ada waktu lain pula ia menentang perubahan. Jika UMNO boleh meneruskan ciri-ciri adaptasi ini, UMNO akan terus selamat untuk 50 malah 100 tahun akan datang."

Pandangan Firdaus ini disokong oleh sebahagian besar pemerhati politik lain. Mereka berpendapat bahawa sebagai sebuah parti politik, UMNO bijak untuk menjadikan dirinya kekal relevan dengan tuntutan semasa. Sebagai sebuah gerakan yang tidak terikat dengan mana-mana ideologi, UMNO selalu mengambil pendekatan yang pragmatik dan realistik. Pendekatan ini boleh dilihat sejak mula lagi ia

dinstitusikan. Rancangan asalnya ialah untuk mewujudkan sebuah negara bangsa Melayu di negara ini. Perjuangan menentang Malayan Union, persetujuan menubuhkan sebuah Persekutuan Tanah Melayu, adalah manifestasi kepada cita-cita itu. Tetapi apabila menyedari bahawa sebuah kerajaan Melayu seratus peratus tidak mungkin dibentuk dalam Tanah Melayu yang merdeka, UMNO bersedia berkoris kuasa dengan parti-parti politik bukan Melayu asalkan perkongsian kuasa itu menjamin ketuaan Melayu tetap terpelihara.

Dan dalam perjalanan menjadi sebuah negara maju pada 2020, UMNO mahu mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang namapaknya diterima baik oleh orang-orang Melayu itu sendiri.

Tetapi ini tidak pula bermakna, Iaitu UMNO senantiasa lancar dan masa depannya terjamin. Segala-galanya banyak bergantung sejauh mana dasar-dasar terkini UMNO yang ada kaitan tentang pendidikan, ekonomi,

bahasa, kebudayaan dan sebagainya memberi manfaat kepada Melayu. Ada pemerhati mengatakan sesetengah dasar UMNO yang lebih liberal sebagai lambang keyakinan baru hasil Dasar

Ekonomi Baru yang nampak baik itu, jika tidak dikawal pelaksanaannya, boleh memberi kesan sebaliknya kepada orang Melayu dari segi jangka panjang.

Beliau mengambil dasar liberal pendidikan dan bahasa sebagai contoh. Menurutnya, lambat laun kehairahan kerajaan membenarkan penubuhan kolej-kolej swasta yang memberi faedah besar kepada bukan Melayu dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar akan menghimpit orang Melayu itu sendiri. Akan wujud dualisme pendidikan di negara ini - sistem pendidikan nasional yang menggunakan bahasa rasmi sebagai bahasa pengantar dan sistem pendidikan di luar sistem nasional yang menggunakan bahasa Inggeris. Begitu juga dengan kehairahan penggunaan bahasa Inggeris yang begitu di beri penekanan sekarang.

"Sekiranya dasar-dasar liberal itu diteruskan, tidak dapat tidak, bahasa Melayu akan tersisih di sektor swasta satu hari nanti. Segala hasil Dasar Ekonomi Baru akan meninggalkan kesan yang negatif terutama dalam bidang pendidikan, ekonomi. Tanda-tanda ke arah itu sudahpun menjelma. Tentang soal bahasa misalnya ada pemimpin yang tidak lagi berucap dalam bahasa ibunda mereka sendiri. Melalui media massa pula - terutama TV - penggunaan bahasa rojak, separuh Melayu, separuh Inggeris berleluasa. Bahasa Melayu seolah-olah dikesampingkan kecuali untuk program seperti berita. Jika UMNO tidak membuat pendirian yang tegas tentang perkembangan ini, ia akan dilihat sebagai pihak yang mengkhianati status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan," kata pemerhati politik ini.

Katanya "Begitu juga dengan gagasan untuk sebuah Bangsa Malaysia.

Orang Melayu memberi sokongan kepada pimpinan UMNO untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia kerana percaya bahawa

apa juga yang berkaitan dengan Melayu akan menjadi ciri-ciri penting Bangsa Malaysia itu. Tetapi sekiranya aspek-aspek Melayu dikesampingkan, atau tidak diberi perhatian dalam proses melahirkan bangsa Malaysia, maka orang-orang Melayu sampai bila-bila tidak akan mengampunkan UMNO. Ketika itu, UMNO akan dituduh telah mengkhianati perjuangan dan kepentingan Melayu."

Jika andaian itu boleh diterima, jelas bahawa masa depan UMNO akan ditentukan oleh kesan pelaksanaan dasar-dasarnya sendiri.

Sekiranya agenda politik UMNO mahu mewujudkan sebuah negara berbangsa Malaysia menguntungkan orang Melayu, UMNO akan terus disokong. Sekiranya agenda sosial dan ekonomi UMNO mahu membentuk sebuah masyarakat yang adil ekonominya boleh meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam sektor ekonomi, maka UMNO akan terus dilihat alat yang berupaya memperjuangkan dan melindungi kepentingan Melayu.



● DATUK Seri Dr Mahathir dan Datuk Seri Abdul Aziz Kapenan bersama-sama dengan veteran UMNO Melaka, Datuk Abdul Aziz Tapa (tempati).

# PERJUANGAN PEMUDA UMNO MEMASUKI ERA BARU



Oleh  
SHAFIE NOR



● TUN HUSSEIN ONN

Ketua Pemuda UMNO Pertama

PEMUDA UMNO merupakan sayap terpenting kepada parti induk sebagaimana Wanita UMNO merupakan sayap kiri dari UMNO. Pemuda UMNO ditubuhkan pada tahun 49 dalam satu persidangan perwakilan Pemuda di Butterworth Seberang Prai, 26 Ogos tahun itu.

Keputusan untuk menubuhkan sebuah Pergerakan Pemuda sebenarnya telah ditetapkan di dalam undang-undang tubuh UMNO yang diluluskan pada 29 Mei tahun 1946.

Ketetapan itu ialah UMNO hendaklah menubuhkan sebuah Perikatan Pemuda. Jawatan-kuasa kerja Agung UMNO

menganjurkan satu persidangan agung wakil-wakil pemuda bahagian-bahagian UMNO, dengan maksud menyatukan Pemuda-pemuda dalam satu angkatan yang terpimpin dan berdisiplin demi menunaikan tanggungjawabkan mereka terhadap bangsa dan negara, selain menyusun barisan untuk menjalankan kerja-kerja kebajikan pemuda-pemuda sendiri.

Datuk Onn bin Jaafar sebagai Yang Dipertua UMNO telah dilantik sebagai penasihat, Allahyarham Tun Hussein Onn, yang pada masa itu bergelar Kapten Hussein Onn, telah dilantik sebagai Setiausaha Hal

Ehwal Pemuda UMNO bersama 25 wakil pemuda daripada 14 bahagian.

Persidangan menubuhkan bahagian Pemuda UMNO itu telah dipengerusikan oleh Datuk Sopiee Sheikh Ibrahim.

Persidangan itu telah membincangkan perkara menubuhkan sebuah badan pemuda UMNO antara bahagian-bahagian UMNO seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan bersejutu menubuhkan sebuah "Perikatan Pemuda UMNO" menurut Ibrahim Mahmud dalam buku Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu.

Undang-undang dan aturan-



• TUN RAZAK HUSSEIN  
*Ketua Pemuda UMNO Kedua*



• TUN SARDON LUBIS  
*Ketua Pemuda UMNO Ketiga*

aturan ataupun 'standing orders' Majlis Mesyuarat Perikatan Pemuda UMNO telah diluluskan. Para pegawai Perikatan Pemuda UMNO untuk tahun 1949 dan 1950 telah dilantik.

Kapten Hussein Onn telah dilantik menjadi Ketua Perikatan Pemuda UMNO dan 2 orang wakil ke persidangan Mesyuarat Agung UMNO pada 27 dan 28 Ogos pada tahun 1949. Mereka yang dilantik termasuk Tuan Haji Ahmad Badawi bin Abdullah Fahim dan Encik Mohd Sopiee bin Sheikh Ibrahim. Mejar Ibrahim yang kemudian menjadi Panglima Angkatan Tentera telah dilantik menjadi wakil Perikatan Pemuda UMNO menggantikan Encik Sopiee yang telah bertolak ke England untuk melanjutkan pelajarannya.

Kira-kira tiga bulan kemu-

dian jawatankuasa kerja UMNO telah melantik seorang pegawai untuk mengelolakan hal ehwal Pemuda UMNO untuk kawasan utara iaitu Selangor dan Perlis dan pejabatnya terletak di Kuala Lumpur.

Pegawai ini ditugaskan menjalankan urusan-urusan melawat beberapa bahagian Pemuda.

Tujuan Pemuda UMNO sebagaimana terkandung di dalam undang-undang tubuh bahagian Pemuda ialah:- "Menyatupadukan pemuda-pemuda. Kedua, menyemai, menghidup dan menggalakkan pemuda-pemuda menanam perasaan dan semangat bersatupadu, kebangsaan, kasih sayang serta gemarkan bangsa, tanahair, agama dan Pertubuhan kebangsaan Melayu Bersatu dan bahagian ini.

Selain itu Perikatan Pemuda UMNO hendaklah bersedia dan

taat kepada bangsa, tanahair, agama serta kepada Pertubuhan Ke-bangsaan Melayu Bersatu.

"Perikatan Pemuda UMNO juga hendaklah bermuafakat, bekerjasama, berkhidmat dan bertentara. Satu lagi tujuan ialah mengajar dan melatihkan pemuda-pemuda bekerja, memikul tanggungan dan menjadi rakyat yang baik.

Perikatan Pemuda UMNO juga hendaklah membina tu-buh badan, akal fikiran dan perasaan Pemuda-Pemuda.

Perikatan Pemuda UMNO juga dianjurkan menjalankan kerja-kerja sukan, kesihatan, bunyi-bunyian, lakonan, pelajaran, perusahaan, campuran atau sosial serta berjimat ceramat. Ahli-ahli bahagian hendaklah terdiri dari lelaki Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang berumur diantara



● TAN SRI SENU ABDUL RAHMAN  
*Ketua Pemuda UMNO Keempat*



● DATUK HARUN IDRIS  
*Ketua Pemuda UMNO Kelima*

16 dan 35 tahun.

Jika seseorang ahli bahagian ini diberhenti atau dikeluarkan dari menjadi ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu terhentilah ia daripada menjadi ahli bahagian Perikatan Pemuda UMNO ini.

"Sekiranya kita teliti tujuan-tujuan Perikatan Pemuda UMNO ditubuhkan akan jelas tujuan-tujuan itu tidaklah begitu menarik sekali.

Tugas-tugas yang diletakkan kepada Perikatan Pemuda UMNO pada masa itu tidak bersangkut paut dengan peranananya sebagai sebuah barisan Pemuda parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan. Tetapi ini ialah barangkali pada masa itu sebagai parti politik UMNO belum mementingkan aspek kemerdekaan dalam tujuan dan dasar perjuangannya.

Pada tahun 1949 itu, negara telahpun tercebur dalam perang gerangan menentang komunis.

Undang-undang dharurat telahpun diisyitiharkan pada tahun 1948 dan segenap tenaga rakyat negara ini ditumpukan untuk membantu kerajaan menghapuskan keganasan komunis.

Pada masa itu juga perjuangan UMNO ditujukan kepada perundingan-perundingan dengan kerajaan British dan Raja-raja Melayu untuk membina asas-asas perlumbagaan baru untuk negara ini. Yang demikian peranan pemuda belum begitu menonjol, walaupun dikatakan pada masa itu bawah pemuda adalah harapan bangsa.

Dengan lain-lain perkataan peranan dan fungsi pemuda sebagai satu tenaga politik

untuk parti induk belum tergaris dan terbentuk. Ini berlainan sekali dalam zaman kepimpinan Tunku Abdul Rahman.

Bahkan Tun Hussein Onn sendiri tidak lama memegang jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke London untuk mengikuti ilmu undang-undang.

Beberapa pemimpin lain kemudian memegang teraju pergerakan pemuda. Tun Abdul Razak memegang jawatan Ketua Pemuda untuk sementara waktu dan tidak pula membawa apa-apa perubahan kepada pergerakan tersebut.

Selelah itu Tun Sardon Zubir memegang kepimpinan Pemuda UMNO.

Antara pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO yang paling



● TAN SRI JAAFAR ALBAR

Ketua Pemuda UMNO Keenam



● DATUK SUAHIMI KAMARUDDIN

Ketua Pemuda UMNO Ketujuh

lama memegang jawatan Ketua Pemuda ialah Tun Sardon Jubir. Kerana pada masa itu dharurat menguasai suasana dan sekitaran politik negara, maka ini dengan sendirinya membatasi sebarang usaha memperkembang dan memperluas kegiatan Pemuda UMNO.

Bagaimanapun setelah Datuk Onn bin Jaafar keluar daripada UMNO dan jawatannya diganti oleh Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj peranan pemuda semakin penting dan aktif.

Pergerakan Pemuda UMNO yang menganjurkan supaya cogan kata parti ditukar daripada Hidup Melayu kepada Merdeka sesuai dengan suasana politik pada masa itu. Slogan yang diteriakkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman pula ialah slogan Merdeka.

UMNO pada masa itu telah berjaya menghancurkan Malayan Union dan mulailah mencari satu tapak baru untuk meneruskan perjuangannya.

Asas baru itu ialah kemerdekaan dan untuk memperjuangkan cita-cita itu tentunya UMNO banyak bergantung kepada tenaga pemuda.

Bahkan pada satu ketika, Sir Gerald Templer telah melarang pemuda-pemuda UMNO memakai uniform serba putih. Pada masa itu pakaian rasmi Pemuda UMNO ialah pakaian seragam berwarna putih untuk upacara rasmi. Bagaimanapun Pemuda UMNO termasuk parti induk ikut serta dalam perjuangan menggembung rakyat menentang keganasan komunis.

Pemuda-pemuda Melayu memasuki angkatan bersenjata termasuk polis khas dan home-

guard atas inisiatif UMNO. Pada masa itu belum timbul persoalan-persoalan seperti adakah Pergerakan Pemuda UMNO harus menjadi pressure group dalam parti ataupun kumpulan pendekat atau adakah Pergerakan Pemuda UMNO harus menjadi kumpulan halia dalam UMNO melainkan pergerakan pemuda tetap dikawal oleh parti dalam tiap tindak tanduknya.

Tun Sardon Jubir ketika memimpin Pergerakan Pemuda amat prihatin terhadap peranan pemuda dalam erti bahawa beliau mengutamakan peranan pemuda sebagai sayap yang taat setia kepada kepimpinan parti. Disiplin yang kuat yang dituntut ke atas anggota-anggota Pemuda pada masa itu ialah kerana seluruh perhatian parti ditumpukan kepada perjuangan menuntut kemer-



● DATUK SERI ANWAR IBRAHIM  
*Ketua Pemuda UMNO Retajun*



● DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK  
*Ketua Pemuda UMNO Kesembilan*

dekaan dan keduanya ialah mencari kesefahaman dengan kaum-kaum lain. Kerana itu sebarang percanggahan pendapat dan tanggapan dalam parti tidaklah diingini.

Bagaimanapun peranan Pemuda semakin penting dan suara mereka semakin lantang dengan peningkatan perjuangan menuntut kemerdekaan.

Tetapi suara Pergerakan Pemuda pada masa itu ialah peranan memperkuat dan memperkuuh pucuk pimpinan parti dalam tiap tindak tanduknya menghadapi kerajaan British.

Perjuangan anti colonial semakin meningkat walaupun dharurat masih membaterai perjuangan kemerdekaan. Terikian Merdeka menjadi slogan UMNO tetapi ia juga menjadi slogan perjuangan hampir tiap parti politik di tanahair. De-

ngan itu perjuangan UMNO merupakan satu perjuangan menceerminkan cita-cita tiap kaum dan tiap golongan di negara ini.

Peranan Pemuda UMNO pada masa itu bukanlah seba-gai golongan terasing di dalam parti tetapi sebagai golongan pendesak di luar parti dan suara itu disambut di kalangan rakyat.

Pergerakan Pemuda sebagai kumpulan pendesak ataupun kumpulan halia hanya timbul setelah Merdeka. Pemuda UMNO setelah merdeka bertukar peranannya. Kerana setelah merdeka berbagai-bagai isu timbul, umpamanya isu bahasa, pendidikan dan kebudayaan serta ekonomi terutama setelah berlaku Mei 13, 1969 dengan terlancarnya Dasar Ekonomi Baru. Pergerakan Pemuda pada

waktu itu terutama sekali dalam masa kepimpinan Dato' Harun Idris menjadi watch dog atau pengawas terhadap perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Untuk pertama kali Pergerakan Pemuda UMNO dipimpin oleh seorang Menteri Besar yang mempunyai kebebasan untuk bertindak sebagai Menteri Besar dan juga sebagai pemimpin yang mampu memberikan sumbangan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Dengan sendirinya perkembangan ini membawa kepada beberapa kesulitan antara kepimpinan Pemuda dan kepimpinan Parti. Kepimpinan Pemuda melalui beberapa peringkat.

Setelah Tun Sardon kepimpinan berpindah kepada beberapa orang termasuk Tan Sri Senu Abdul Rahman, Datuk



● DATUK NAZRI ABDUL AZIZ  
Pemimpin pemangku jawatan  
Ketua Pemuda UMNO



● TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK  
Ketua Pemuda UMNO sekaran

Harun Idris, Tan Sri Jaafar Albar dan Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin hinggalah sekarang ini.

Dengan kedudukan parti semakin kuat dan berpengaruh hingga merupakan parti yang terbesar di tanahair tentunya peranan Pemuda semakin penting.

Dalam era pencejagatan sekarang ini peranan itu berubah pula. Khususnya peranan itu harus menelepi citarasa rakyat untuk mencapai Wawasan 2020.

Bagaimanapun perkembangan Pergerakan Pemuda melalui juga detik-detik krisis dan pergolakannya sendiri bukan kerana peranannya bertentang dengan dasar-dasar parti tetapi umumnya lahir dari perbezaan pendekatan pemimpin-pemimpin pemuda ter-

hadap peranan pemuda sendiri.

Keputusan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi anggota UMNO dan pemilihan Datuk Seri Anwar kemudiannya sebagai Ketua Pemuda adalah satu perkembangan baru dalam peningkatan peranan Pemuda dalam parti. Latar Anwar sebagai pemimpin Pergerakan Belia Islam yang dinamis memberikan arah dan hala baru kepada perjuangan Pemuda. Anwar meletakkan asas baru sebagai landasan perjuangan Pemuda UMNO. Ini diteruskan oleh Datuk Najib Tun Razak.

Dengan negara memasuki era pencejagatan dan negara pula mencapai prestasi ekonomi begitu pesat dan dinamis, Pemuda UMNO memasuki era baru dalam perjuangannya. Generasi baru ikut menyertai

pembangunan ekonomi. Tidak sedikit generasi muda menjadi anggota korporat dan berjaya dalam kerjaya mereka sebagai usahawan. Tan Sri Rahim Tamby Chik sebagaimana Datuk Harun Idris dahulu serentak menjadi Ketua Menteri di samping memimpin Pergerakan Pemuda. Kedudukannya memperkuat Pergerakan Pemuda. Sekalipun Pergerakan Pemuda dilanda krisis akibat dugaan dan ujian Tan Sri Rahim tetapi ternyata ia tidak berkesan kepada keutuhan dan kemantapan Pergerakan itu.

Sepanjang usianya Pergerakan Pemuda tidak sunyi dari krisis dan detik-detik dugaannya. Tetapi keseluruhannya Pergerakan Pemuda dapat mengatasi krisis dan kelmut utama ikatannya yang erat sebagai sayap kanan parti induk.

# WANITA UMNO LEBIH REALISTIK DAN STABIL



Oleh  
AZHARIAH ABD. AZIZ



DATO' ONN JAAFAR  
1949-1950

PENUBUHAN Pergerakan Kaum Ibu UMNO atau Wanita UMNO diputuskan sehari terlebih dahulu daripada penubuhan Perikatan Pemuda UMNO dalam satu perhimpunan agung wakil-wakil kaum ibu Bahagian UMNO di Butterworth pada 25 Ogos tahun 1949.

Perasmian Perhimpunan itu dilakukan oleh Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis, Tengku Badariah. Dato' Onn Jaafar sebagai Yang Dipertua UMNO hadir dalam perhimpunan itu sebagai penasihat. Dalam perhimpunan itulah ketua kaum ibu yang pertama dipilih iaitu Puan Putih Mariah Ibrahim Rashid. Sejarah kaum ibu UMNO tidaklah begitu ditandai oleh peristiwa-peristiwa

yang menggemparkan. Sejarah Pergerakan Wanita UMNO dari tahun 1949 hingga sekarang agak stable dan aman tenteram.

Pertandingan-pertandingan jawatan di dalam wanita UMNO berjalan penuh aman walaupun pernah juga berlaku pertandingan sengit tetapi antara sesama pemimpin wanita. Pada satu ketika Pergerakan Kaum Ibu UMNO mempunyai seorang pemimpin yang kontroversil iaitu Allahyarhamah Khatijah Sidek dalam tahun 60-an.

Khatijah Sidek dipecat kerana menurut tanggapan pemimpin UMNO beliau tidak dapat menyesuaikan diri dengan dasar-dasar pucuk pimpinan parti.

Tetapi semenjak peristiwa itu

boleh dikatakan Pergerakan Kaum Ibu atau Wanita UMNO berjalan selari dengan dasar perjuangan pucuk pimpinan sesuai dengan peranannya yang dianggap sebagai sayap kiri parti. Kini Pergerakan Wanita UMNO boleh dikatakan setanding dari segi pengaruh dan kewibawaannya dengan Pemuda.

Anggota-anggota Pergerakan Wanita UMNO lebih ramai dan pernah juga terdengar suara dari Wanita UMNO bahwa pihaknya harus diberikan kesempatan yang lebih luas untuk menyertai proses pemerintahan negara.

Dalam erti kata lain pergerakan wanita UMNO menuntut supaya lebih ramai lagi kaum wanita dipilih sebagai calon-calon pilihanraya negeri. Tetapi Pergerakan



● HAJAH ZAINUN SULAIMAN (IBU UMNO)  
Ketua Ketua Ibu UMNO 1950-1955



● KHATIJAH SIDEK  
\*Ketua Ketua Ibu UMNO 1953-1956

Wanita UMNO pada masa ini jauh lebih kukuh kedudukannya malah lebih berpengaruh dari sebarang ketika sejarah Pergerakan itu pada masa lalu. Semakin ramai wanita UMNO dipilih sebagai calon pilihanraya peringkat kebangsaan. Ramai wanita UMNO dilantik sebagai Senator.

Keanggotaan Pergerakan Wanita UMNO pula mencerminkan tahap kemajuan kaum wanita di negara kita sekarang. Lebih ramai wanita UMNO dari bidang profesional dan akademik menganggotai Pergerakan itu sekarang dari sebarang waktu pada masa lalu. Beberapa wanita UMNO dilantik sebagai menteri Kerajaan Pusat.

Pemimpin wanita UMNO yang pertama kali duduk dalam kabinet ialah Tan Sri Fatimah Hashim diikuti oleh Tan Sri Aishah Ghani dan sekarang Datuk Seri Rafidah Aziz memegang suatu jawatan yang penting dalam kabinet.

Pergerakan Wanita UMNO juga menceburkan diri dalam perjuangan menuntut hak wanita dalam masyarakat. Wanita UMNO juga ikut dalam penggubalan beberapa rang undang-undang mengenai kepentingan kaum wanita. Sebenarnya kemajuan Pergerakan Wanita UMNO mencerminkan kemajuan kaum wanita dalam masyarakat dalam era pencejagatan sekarang. Bagaimanapun ciri yang masih tetap dipertahankan oleh Pergerakan Wanita UMNO ialah bahawa kekuatan dan pengaruhnya masih tetap berakar di desa-desa dan di kampung-kampung hingga sering diperkatakan bahawa peranan wanita UMNO sangat penting dalam tiap kali pilihanraya.

Hanya wanita UMNO sahaja yang mampu dan berupaya menarik pengundi-pengundi wanita untuk menyokong calon-calon UMNO ataupun Perikatan sebelumnya dalam pilihanraya di peringkat akar umbi.

Pengaruh Wanita UMNO sangat kuat kerana ia lahir dari desa dan kampung. Walaupun UMNO merupakan sebuah parti politik yang begitu besar jumlah anggotanya dan begitu canggih pentadbirannya dan begitu rapi struktur organisasinya, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa semangat dan jiwa parti itu sebenarnya ditulip oleh penduduk-penduduk di desa dan di kampung. Di sinilah peranan Pergerakan Wanita UMNO, iaitu menggembung tenaga kaum ibu dan wanita di desa-desa untuk mengerakkan parti itu dari dulu hingga sekarang. Wanita UMNO dari dulu hingga sekarang tidak banyak menimbulkan kerenten kepada pucuk pimpinan.

Setengah-setengah orang menyatakan bahawa ini ialah kerana wanita-wanita UMNO belum mencapai tahap kesedaran politik sebagaimana wanita-wanita lain dan kerana itu tidak mampu menimbulkan isu-isu yang mempersulit pucuk pimpinan seba-

gaimana gerakan Pemuda.

Tapi sebenarnya Pergerakan Wanita UMNO lebih realistik mencerminkan watak dan jiwa wanita Melayu di kampung. Memang benar sekarang bahwa ramai wanita profesional dan akademik menyertai pergerakan wanita sebagai pemimpin tetapi tidak dinafikan juga bahwa kepimpinan mereka harus sesuai dan tidak bertentangan dengan tahap kesedaran dan kepentingan kaum wanita yang mereka pimpin. Kedengaran juga suara dari setengah-setengah kalangan wanita UMNO menuntut supaya Pergerakan Wanita mempunyai kuasa autonomi untuk mengurus hal ehwal mereka sendiri. Pergerakan wanita UMNO sebagaimana gerakan Pemuda di bahagian dan di cawangan tertakluk kepada kepimpinan jawatankuasa bahagian.

Tetapi pada dasarnya tidak terdapat sebarang percanggahan dalam struktur yang telah berjalan selama ini. Pergerakan Wanita tetap bebas mengorak langkah dan menyusun kegiatan mereka menurut kehendak dan hasrat anggota-anggota wanita. Bagaimanapun suara menuntut supaya lebih ramai anggota wanita dipilih untuk menjadi calon dalam pilihanraya peringkat nasional semakin lantang kedengaran sekarang. Tuntutan ini dikatakan sesuai dengan kemajuan kaum wanita di negara ini. Yang amat menarik sekali ialah dalam sejarah Pergerakan Wanita UMNO belum pernah berlaku krisis kepimpinan kecuali dalam tahun 60-an dahulu ketika Allahyarhamah Khatijah Sidek dipecat. Pada umumnya kepimpinan wanita UMNO bersih dari sebarang skandal. Dengan lain kata pergerakan wanita UM-



NO telah dapat mempertahankan kewibawaannya sebagai sayap kiri parti yang terpenting tanpa menimbulkan sebarang kesulitan kepada kepimpinan parti.

Datuk Seri Rafidah Aziz ialah satu-satunya pemimpin wanita UMNO yang diberikan jawatan penting dalam Kabinet, sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa. Ini merupakan keyakinan parti dan negara kepada keupayaan wanita memegang jawatan tinggi dalam pemerintah. Satu ciri yang menarik sekarang ialah penyertaan wanita UMNO dalam pertubuhan-pertubuhan NGO menangani isu-isu sosial dan juga masalah-masalah yang bersangkutan dengan kepentingan kaum wanita. Dengan tahap hidup rakyat meningkat dan perubahan-perubahan dalam masyarakat yang membawa kepada peningkatan kedudukan wanita maka tidak syak Pergerakan Wanita UMNO akan menjadi lebih penting sebagai sayap kiri parti.

Dengan UMNO berperanan sebagai catalyst atau pemangkin pembangunan negara dan bangsa. Peranan Pergerakan Wanita juga tidak dapat dipisahkan dari peranan UMNO seluruhnya.

Kemajuan negara di bidang ekonomi menimbulkan berbagai-macam masalah sosial seperti bohossia dan sebagainya. Masalah perceraian yang kian meningkat selain kemerosotan nilai hidup dalam masyarakat merupakan cabaran kepada Pergerakan Wanita UMNO.

Dengan lain perkataan tumpuan Pergerakan Wanita UMNO tidak sahaja kepada masalah-masalah politik tetapi juga kepada masalah-masalah sampingan yang timbul dari pembangunan ekonomi negara.

Pergerakan Wanita UMNO telah mengambil inisiatif menangani beberapa masalah yang dihadapi oleh kaum wanita. Bagaimanapun masalah-masalah kaum wanita



● TAN SRI AISHAH GHANI  
*Ketua Wanita UMNO 1972-1984*



● DATUK SERI RAFIDAH  
*Ketua Wanita UMNO 1984-?*

terutama di bandar juga mencabar. Pergerakan Wanita UMNO tidak sahaja harus menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita di desa-desa dan di kampung-kampung tetapi juga di bandar-bandar kerana kaitan dan hubungan masalah-masalah wanita desa dengan wanita-wanita bandar.

Penghijrahan penduduk luar bandar ke kota-kota menimbulkan masalah-masalah sosial yang kritis untuk kaum wanita. Ini telah pun ditimbulkan oleh bahagian wanita yang bergerak dan bergiat di dalam kawasan-kawasan bandar menuntut supaya kerajaan dan parti lebih prihatin kepada masalah-masalah wanita di kota dan jangan sekadar prihatin terhadap masalah-masalah wanita di luar bandar.

Proses pembangunan ekonomi meninggalkan kesan juga pada kaum wanita terutama di bandar-bandar dan kerana Pergerakan

Wanita semakin meluas mengembangkan sayapnya di dalam kota dengan sendirinya ini bercorakkan perjuangan wanita umno yang tadinya lebih banyak tertumpu di desa-desa. Wanita UMNO memasuki era baru dalam dekad pensejagat sekarang.

Sejauh mana Pergerakan Wanita UMNO dapat memainkan peranananya yang dituntut oleh pembangunan negara pada masa ini dan pada masa depan menjadi kunci kelak kepada kewibawaannya dan pengaruhnya di kalangan wanita Melayu khususnya dan di kalangan wanita lain umumnya. Tetapi tidak syak bahawa masa depan Wanita UMNO terletak kepada kemantapan dan pengaruh parti induknya iaitu UMNO sebagai sebuah parti politik yang terulung dan terbesar di tanahair. Masa depan Wanita UMNO adalah cerah kerana masa depan negara cerah dan penuh harapan. Apa yang penting ialah

Pergerakan Wanita UMNO harus memastikan organisasi dan strukturnya mampu menampung cita-cita dan aspirasi kaum wanita dalam dekad ini dan dalam dekad akan datang. Pergerakan Wanita UMNO sebagaimana juga UMNO telah melalui beberapa fasa perubahan dari sejak lahirnya hingga sekarang. Tiap fasa perubahan menuntut pendekatan dan kaedah kepemimpinan yang sesuai dengan peredaran zaman.

Hakikat yang tetap dihadapi oleh Pergerakan Wanita UMNO dari dahulu hingga hari ini ialah bahawa masa depannya terjalın erat dengan parti induknya. Ia tidak mampu bergerak sendiri melainkan harus menerima kekuatannya dari parti UMNO yang merupakan payungnya. Dasar perjuangan wanita tidak dapat dipisahkan dari dasar perjuangan parti. Cita-cita wanita juga tidak dapat terpisah dari cita-cita besar parti untuk meningkatkan martabat bangsa, agama dan negara.



SYUARAH Majlis Tertinggi UMNO yang pertama di Kuala Lumpur pada 21 Februari 1988 selepas UMNO dipulihkan.



IBU Pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di Jalan Tun Ismail Kuala Lumpur

UMNO

MALAYSIA


فرتو بهن كبغسان ملايوبر ساتو

PERSATUAN KEBANGSAAN MELAYU BERGATU


IBU PEJABAT BARISAN NASIONAL



● IBU Pejabat UMNO di Jalan Tuanku Abdul Rahman Kuala Lumpur.



• IBU Pejabat MNO di Jalan Ibrahim Kassim (1940-1955).



● FOTO bersama diambil pada saat persidangan yang PESEMBAR UIN UMN pada tahun 1946  
di Pinggir Sungai Besar, Samarinda.



● DATO' Onn Jaafar berucap buat kali terakhir sebagai Yang Di-Pertua Agung di Perhimpunan Agung UMNO pada 26 Ogos 1951. Di tengah kelihatan Tunku Abdul Rahman dan Sultan Hussein Onn (kiri).

YANG DI-PERTUA

TANG DI-PERTUA

RAID  
YANG DI-PERTUA  
PEREMPUAN

# JAWATANKUASA PUSAT PERAYAAN ULANG TAHUN UMNO YANG KE 50

## Penaung

YAB DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
*Presiden UMNO*

## Pengerusi

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
*Timbalan Presiden UMNO*

## Setiausaha

YB DATO' MOHAMED BIN RAHMAT  
*Setiausaha Agung UMNO*

(Pengerusi, Jawatankuasa Anugerah Tokoh UMNO)

## Bendahari

YB TUN DAIM ZAINUDDIN  
*Bendahari UMNO*

## Ahli Jawatankuasa

YB TAN SRI MUHYIDDIN MOHD YASSIN  
*Nائب President UMNO*

(Pengerusi, Jawatankuasa Jamuan Perdana)

YB DATUK SERI NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
*Nائب President UMNO*

(Pengerusi, Jawatankuasa Konvensyen)

YB TAN SRI MUHAMMAD MUHD. TAIB  
*Nائب President UMNO*

(Pengerusi, Jawatankuasa Tablid dan  
Rapat Umum Perbimpunan Perdana)

YB TAN SRI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK  
*Ketua Pergerakan Pemuda UMNO*

(Pengerusi Larian Bendera UMNO)

YB DATUK SERI RAFIDAH AZIZ

*Ketua Pergerakan Wanita UMNO*  
(Pengerusi, Jawatankuasa Expo  
Pencapaian Ekonomi Bumiputera)

YB DATUK HUSSEIN AHMAD

*Ketua Penerangan UMNO*